JUZU' KE-23
SURAH
AZ-ZUMAR

SURAH KE

39

سُورَةُ الزُّمَرِ

SURAH AZ-ZUMAR

Surah Kumpulan-kumpulan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

75

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 7)

تَنزِيلُ ٱلْكِتَـٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾
إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَـٰبَ بِٱلْحَقِّ فَٱعْبُدِ ٱللَّهَ
مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿٢﴾
أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلْخَالِصُ ۚ وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ
أَوْلِيَآءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلْفَىٰٓ
إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِى مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۗ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى مَنْ هُوَ كَـٰذِبٌ كَفَّارٌ ﴿٣﴾
لَّوْ أَرَادَ ٱللَّهُ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا لَّٱصْطَفَىٰ مِمَّا يَخْلُقُ
مَا يَشَآءُ ۚ سُبْحَـٰنَهُۥ ۖ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٤﴾
خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ يُكَوِّرُ ٱلَّيْلَ
عَلَى ٱلنَّهَارِ وَيُكَوِّرُ ٱلنَّهَارَ عَلَى ٱلَّيْلِ ۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ
وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ أَلَا هُوَ
ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفَّـٰرُ ﴿٥﴾
خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا
وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْأَنْعَـٰمِ ثَمَـٰنِيَةَ أَزْوَٰجٍ ۚ يَخْلُقُكُمْ
فِى بُطُونِ أُمَّهَـٰتِكُمْ خَلْقًا مِّنۢ بَعْدِ خَلْقٍ فِى ظُلُمَـٰتٍ
ثَلَـٰثٍ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ ۖ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ
فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٦﴾
إِن تَكْفُرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنكُمْ ۖ وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ
ٱلْكُفْرَ ۖ وَإِن تَشْكُرُوا۟ يَرْضَهُ لَكُمْ ۗ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ
أُخْرَىٰ ۗ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا
كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٧﴾

"Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (1). Sesungguhnya Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu dengan membawa kebenaran. Oleh itu hendaklah engkau sembahkan Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (2). Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah. Dan orang-orang yang menyembah pelindung-pelindung yang lain dari Allah itu (berkata): Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya. Sesungguhnya Allah akan mengadili di antara mereka tentang perkara-perkara yang dipertikaikan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang pendusta dan pengingkar (3). Sekiranya Allah mahu mengambil anak tentulah Dia sendiri akan memilihkan apa sahaja yang disukai-Nya di antara makhluk-makhluk yang diciptakan-Nya. Maha Sucilah Allah. Dialah Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa (4). Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran. Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam, dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan hingga ke suatu waktu yang ditentukan. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun (5). Dia telah menciptakan kamu dari diri yang satu, kemudian darinya Dia ciptakan isterinya dan Dia telah menurunkan untuk kamu lapan pasang dari binatang ternakan. Dia jadikan kamu di dalam perut ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian kepada satu kejadian dalam tiga kegelapan. Pencipta bagi semua kejadian itu ialah Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit bumi), tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan? (6) Jika kamu kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dari berhajat kepada kamu. Dan Dia tidak redhakan kekufuran itu kepada hamba-Nya. Dan jika kamu bersyukur nescaya Dia mengurniakan keredhaan-Nya kepada kamu. Dan seseorang yang berdosa tidak menanggung dosa orang yang lain. Kemudian kepada Tuhanmu kembalinya kamu dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala isi dada."(7)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini boleh dikatakan keseluruhannya ditumpukan untuk menjelaskan persoalan tauhid. Ia membawa hati manusia mengembara di dalam berbagai-bagai pengembaraan yang berturut-turut. Ia memalu tali-tali hati mereka dengan paluan-paluan yang bertubi-tubi dan menggoncangkannya dengan kuat, mendalam dan bersambung-sambung untuk menerangkan hakikat tauhid dan menanamkannya dengan teguh di dalam hati mereka, di samping menolak segala kekeliruan dan kesamaran yang menjejaskan hakikat tauhid ini. Oleh sebab itu surah ini mempunyai satu pokok pembicaraan yang bersambung-sambung dari awal sampai akhirnya yang dibentangkan di dalam berbagai-bagai bentuk gambaran.

Dari pembukaan surah lagi persoalan tauhid itu tertonjol dengan jelas:

تَنزِيلُ ٱلۡكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ﴿١﴾ إِنَّآ أَنزَلۡنَآ إِلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ بِٱلۡحَقِّ فَٱعۡبُدِ ٱللَّهَ مُخۡلِصٗا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿٢﴾

"Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.(1) Sesungguhnya Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu dengan membawa kebenaran. Oleh itu hendaklah engkau sembahkan Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya."(2)

أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلۡخَالِصُۚ

"Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah."(3)

Kadang-kadang persoalan itu ditonjolkan dalam bentuk nas yang terang dan kadang-kadang dalam bentuk mafhum.

Yang ditonjol dalam bentuk nas yang terang ialah seperti firman-Nya:

قُلۡ إِنِّيٓ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ ٱللَّهَ مُخۡلِصٗا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿١١﴾ وَأُمِرۡتُ لِأَنۡ أَكُونَ أَوَّلَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿١٢﴾ قُلۡ إِنِّيٓ أَخَافُ إِنۡ عَصَيۡتُ رَبِّي عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ﴿١٣﴾ قُلِ ٱللَّهَ أَعۡبُدُ مُخۡلِصٗا لَّهُۥ دِينِي ﴿١٤﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah diperintah supaya menyembah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (11). Dan aku telah diperintahkan supaya menjadi orang pertama dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah) (12). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku (13). Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang aku sembah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya dalam agamaku. "(14)

فَٱعۡبُدُواْ مَا شِئۡتُم مِّن دُونِهِۦۗ

" Sembahlah apa sahaja yang kamu kehendaki selain dari Allah.........."(15)

Atau firman-Nya:

قُلۡ أَفَغَيۡرَ ٱللَّهِ تَأۡمُرُوٓنِّيٓ أَعۡبُدُ أَيُّهَا ٱلۡجَٰهِلُونَ ﴿٦٤﴾ وَلَقَدۡ أُوحِيَ إِلَيۡكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكَ لَئِنۡ أَشۡرَكۡتَ لَيَحۡبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ﴿٦٥﴾ بَلِ ٱللَّهَ فَٱعۡبُدۡ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٦﴾

"Katakanlah: Apakah kamu menyuruh aku menyembah selain dari Allah, wahai orang-orang yang jahil? (64) Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu jika engkau mempersekutukan Allah nescaya sia-sialah segala amalanmu dan tetaplah engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi (65). Malah sembahlah Allah dan jadilah dari golongan orang-orang yang bersyukur."(66)

Dan yang ditonjol dalam bentuk mafhum ialah seperti firman-Nya:

ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلٗا رَّجُلٗا فِيهِ شُرَكَآءُ مُتَشَٰكِسُونَ وَرَجُلٗا سَلَمٗا لِّرَجُلٍ هَلۡ يَسۡتَوِيَانِ مَثَلًاۚ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِۚ بَلۡ أَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٢٩﴾

"Allah telah membuat satu perbandingan iaitu seorang hamba yang dimiliki oleh beberapa kongsi yang selalu bergaduh dan seseorang hamba yang hanya menjadi milik seorang (tuanmas) sahaja, adakah kedua-dua hamba itu sama keadaan dan sifatnya? Segala kepujian itu terpulang kepada Allah. Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(29)

Atau seperti firman-Nya:

أَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبۡدَهُۥۖ وَيُخَوِّفُونَكَ بِٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦۚ وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٖ ﴿٣٦﴾ وَمَن يَهۡدِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّضِلٍّۗ أَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِعَزِيزٖ ذِي ٱنتِقَامٖ ﴿٣٧﴾

"Bukankah Allah itu memelihara hamba-Nya. Dan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya (36). Dan barang siapa yang diberi hidayat oleh Allah, maka tiada siapa pun yang boleh menyesatkannya. Bukankah Allah itu Maha Perkasa dan berkuasa membalas."(37)

Di samping menjelaskan hakikat tauhid, maka dalam surah ini juga terdapat berbagai-bagai

bimbingan dan saranan untuk menggerakkan hati dan membangkitkan kepekaannya untuk menyedia dan menyahut da'wah Allah, iaitu seperti firman-Nya:

وَٱلَّذِينَ ٱجْتَنَبُوا۟ ٱلطَّٰغُوتَ أَن يَعْبُدُوهَا وَأَنَابُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ لَهُمُ ٱلْبُشْرَىٰ ۚ فَبَشِّرْ عِبَادِ ﴿١٧﴾ ٱلَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَىٰهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمْ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٨﴾

"Dan orang-orang yang menjauhi Taghut iaitu dari menyembahkannya dan kembali berserah kepada Allah, maka untuk mereka berita yang mnat mengembirakan. Oleh itu sampaikanlah berita gembira itu kepada hamba-hamba-Ku ......(17) Yang mendengar perkataan-perkataan dan mengikut mana-mana perkataan yang paling baik darinya. Merekalah orang-orang yang diberikan hidayat oleh Allah dan merekalah orang-orang yang berakal."(18)

Dan firman-Nya:

ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ ٱلْحَدِيثِ كِتَٰبًا مُّتَشَٰبِهًا مَّثَانِىَ تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودُ ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهْدِى بِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٢٣﴾

"Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang serupa (mutu ayat-ayatnya) dan berulang-ulang, gementarlah kerananya kulit orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka, kemudian kulit-kulit dan hati mereka menjadi lembut dan tenteram mengingati Allah. Itulah hidayat Allah yang dikurniakannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(23)

Dan firman-Nya:

وَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُۥ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا خَوَّلَهُۥ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِىَ مَا كَانَ يَدْعُوٓا۟ إِلَيْهِ مِن قَبْلُ وَجَعَلَ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ قَلِيلًا ۖ إِنَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ﴿٨﴾

"Dan apabila seseorang manusia disentuh sesuatu kesusahan ia berdo'a kepada Tuhannya dengan kembali kepada-Nya, kemudian apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya ia terus lupakan kesusahan yang kerananya ia berdo'a kepada Allah sebelum itu dan dia mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa. Sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka."(8)

Dan di sana ada lagi satu fenomena yang dapat diperhatikan dalam suasana surah ini, iaitu surah ini dari awal hingga akhir dibayangi suasana hidup di alam Akhirat. Penjelasan surah membawa hati manusia dalam setiap pusingannya yang pendek menjelajah dalam suasana-suasana hidup Akhirat di kebanyakan waktu. Dan inilah bidang tayangan yang pertama dalam surah ini, di samping merupakan pernyataan efektif yang jelas dan berulang-ulang di celah-celah penjelasannya. Oleh sebab itulah pemandangan-pemandangan Qiamat dan isyarat-isyarat mengenainya disebut berulang-ulang kali di dalam berbagai-bagai bahagiannya. Di antara isyarat-isyarat itu ialah firman-Nya:

أَمَّنْ هُوَ قَٰنِتٌ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ سَاجِدًا وَقَآئِمًا يَحْذَرُ ٱلْءَاخِرَةَ وَيَرْجُوا۟ رَحْمَةَ رَبِّهِۦ ۗ

"(Apakah kamu lebih beruntung?) Atau orang yang beribadat di waktu malam dengan sujud atau berdiri, sedangkan ia takut kepada ('azab) Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya."(9)

Dan firman-Nya:

قُلْ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku."(13)

Dan firman-Nya:

أَفَمَنْ حَقَّ عَلَيْهِ كَلِمَةُ ٱلْعَذَابِ أَفَأَنتَ تُنقِذُ مَن فِى ٱلنَّارِ ﴿١٩﴾

"Apakah orang-orang yang telah ditetapkan keputusan 'azab di atasnya (lalu dimasukkan ke dalam Neraka) dapatkah engkau menyelamatkan mereka yang berada di dalam Neraka?"(19)

Dan firman-Nya:

أَفَمَن يَتَّقِى بِوَجْهِهِۦ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ

"Apakah orang yang mempertahankan diri dengan mukanya dari (selaran) 'azab yang dahsyat pada hari Qiamat itu (sama dengan orang yang terselamat dari 'azab)?"(24)

Dan firman-Nya:

وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih besar lagi jika mereka mengetahui."(26)

Dan firman-Nya:

أَلَيْسَ فِى جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Bukankah di dalam Neraka itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir?(32)

Dan firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُ مَعَهُ لَافْتَدَوْا بِهِ مِن سُوءِ الْعَذَابِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ وَبَدَا لَهُم مِّنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan sekiranya orang-orang yang zalim (kafir) itu memiliki segala isi bumi dan memiliki sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya daripada 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat. Dan (ketika itu) ternampaklah kepada mereka berbagai-bagai keseksaan dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka."(47)

Dan firman-Nya:

وَأَنِيبُوا إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿٥٤﴾

وَاتَّبِعُوا أَحْسَنَ مَا أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٥٥﴾

أَن تَقُولَ نَفْسٌ يَا حَسْرَتَىٰ عَلَىٰ مَا فَرَّطتُ فِي جَنبِ اللَّهِ وَإِن كُنتُ لَمِنَ السَّاخِرِينَ ﴿٥٦﴾

أَوْ تَقُولَ لَوْ أَنَّ اللَّهَ هَدَانِي لَكُنتُ مِنَ الْمُتَّقِينَ ﴿٥٧﴾

أَوْ تَقُولَ حِينَ تَرَى الْعَذَابَ لَوْ أَنَّ لِي كَرَّةً فَأَكُونَ مِنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾

"Dan kembalilah kepada Tuhan kamu dan serahkan diri kamu kepada-Nya sebelum 'azab menimpa kamu dan selepas itu kamu tidak akan ditolongkan lagi (54). Dan ikutilah (Al-Qur'an) sebaik-baik (hidayat) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu sebelum 'azab menimpa kamu secara mendadak, sedangkan kamu tidak sedar (55). Supaya jangan ada seorang pun yang akan bersungut: Alangkah sesalnya aku terhadap perbuatanku yang telah mencuaikan kewajipan terhadap Allah dan sesungguhnya aku dahulunya dari orang-orang yang mempersenda-sendakan (ajaran Allah) (56). Atau supaya jangan ada yang berkata: Jika Allah telah memberi hidayat kepadaku tentulah aku termasuk dalam golongan para Muttaqin (57). Atau supaya jangan ada yang berkata: Jika aku dapat pulang semula ke dunia tentulah aku termasuk dalam golongan para Muhsinin."(58)

Ini tidak termasuk pemandangan-pemandangan Qiamat yang lengkap yang mengambil ruang yang besar di dalam surah ini membayangi suasananya dengan bayangan-bayangan hidup di Akhirat.

Adapun pemandangan-pemandangan alam buana yang banyak terdapat di dalam surah-surah Makkiyah ketika membentangkan hakikat-hakikat 'aqidah, maka ia hanya didapati sedikit sahaja di dalam surah ini.

Di sana hanya terdapat satu pemandangan alam buana sahaja di permulaan surah ini iaitu ayat:

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ ۖ يُكَوِّرُ اللَّيْلَ عَلَى النَّهَارِ وَيُكَوِّرُ النَّهَارَ عَلَى اللَّيْلِ ۖ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ أَلَا هُوَ الْعَزِيزُ الْغَفَّارُ ﴿٥﴾

"Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran. Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam, dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan hingga ke suatu waktu yang ditentukan. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(5)

Dan satu pemandangan lagi di tengahnya iaitu:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنَابِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُّخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَامًا ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٢١﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit dan mengalirkannya menjadi matair-matair di bumi, kemudian Dia mengeluarkan dengannya tumbuh-tumbuhan dari berbagai-bagai warnanya, kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering dan engkau dapat melihatnya kekuningan, kemudian Dia jadikannya reput dan hancur. Sesungguhnya kejadian itu menjadi pengajaran kepada orang-orang yang berakal."(21)

Selain dari dua pemandangan ini, di sana terdapat keterangan-keterangan sepintas lalu mengenai penciptaan langit dan bumi.

Begitu juga surah ini mengandungi sentuhan-sentuhan mengenai realiti hidup manusia dan keadaan jiwa mereka yang disebutkan di sana sini.

Di permulaan surah diterangkan mengenai kejadian manusia:

خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَاحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ الْأَنْعَامِ ثَمَانِيَةَ أَزْوَاجٍ ۚ يَخْلُقُكُمْ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ خَلْقًا مِّن بَعْدِ خَلْقٍ فِي ظُلُمَاتٍ ثَلَاثٍ ۚ ذَٰلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ ۖ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ

فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ٦

"Dia telah menciptakan kamu dari diri yang satu, kemudian darinya Dia ciptakan isterinya dan Dia telah menurunkan untuk kamu lapan pasang dari binatang ternakan. Dia jadikan kamu di dalam perut ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian kepada satu kejadian dalam tiga kegelapan. Pencipta bagi semua kejadian itu ialah Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit bumi), tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan?"(6)

Juga diterangkan mengenai tabi'at manusia di masa kesenangan dan kesusahannya iaitu firman-Nya:

وَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُۥ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا خَوَّلَهُۥ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِىَ مَا كَانَ يَدْعُوٓا۟ إِلَيْهِ مِن قَبْلُ وَجَعَلَ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ قَلِيلًا ۖ إِنَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ٨

"Dan apabila seseorang manusia itu disentuh sesuatu kesusahan ia berdo'a kepada Tuhannya dengan kembali kepada-Nya, kemudian apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya, ia terus lupakan kesusahan yang kerananya ia berdo'a kepada Allah sebelum itu dan dia mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa. Sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka."(8)

Dan firman-Nya:

فَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا خَوَّلْنَٰهُ نِعْمَةً مِّنَّا قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍۭ ۚ بَلْ هِىَ فِتْنَةٌ

"Apabila seseorang manusia disentuh bala bencana ia terus berdo'a kepada Kami, kemudian apabila Kami kurniakannya sesuatu ni'mat dia berkata: Sesungguhnya aku diberikan ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku. Bahkan sebenarnya ni'mat itu suatu ujian."(49)

Juga digambarkan jiwa manusia yang berada di dalam genggaman Allah pada setiap waktu iaitu firman-Nya:

ٱللَّهُ يَتَوَفَّى ٱلْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَٱلَّتِى لَمْ تَمُتْ فِى مَنَامِهَا ۖ فَيُمْسِكُ ٱلَّتِى قَضَىٰ عَلَيْهَا ٱلْمَوْتَ وَيُرْسِلُ ٱلْأُخْرَىٰٓ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ٤٢

"Allahlah yang mengambil roh-roh ketika matinya seseorang dan mengambil roh orang yang belum mati ketika di dalam tidurnya, lalu Dia menahankan roh orang yang telah ditetapkan mati dan melepaskan kembali roh yang lain sehingga kepada satu waktu yang telah ditentukan. Sesungguhnya kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang yang berfikir."(42)

Tetapi walau bagaimanapun bayangan dan suasana Qiamat tetap menyelubungi seluruh surah sebagaimana telah kami terangkan tadi sehingga pada akhirnya surah ini ditamatkan dengan satu pemandangan yang mengkhusyu'kan hati, di mana digambarkan suasana dan bayangan hari Qiamat itu:

وَتَرَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ حَآفِّينَ مِنْ حَوْلِ ٱلْعَرْشِ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَقِيلَ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٧٥

"Dan engkau (wahai Muhammad) akan melihat para malaikat mengelilingi di sekitar 'Arasy bertasbih memuji Tuhan mereka dan hukuman yang adil telah diputuskan di antara mereka dan diucapkan: Segala kepujian itu terpulang kepada Tuhan semesta alam."(75)

Bayangan ini selaras dengan suasana surah ini dan selaras dengan jenis sentuhan-sentuhan yang menarik hati manusia. Suasana surah ini lebih dekat dengan suasana perasaan takut, cemas dan terharu. Oleh sebab itu kita dapati keadaan-keadaan yang digambarkan kepada manusia ialah keadaan-keadaan keterharuan, kecemasan dan ketakutan hati mereka seperti yang terdapat dalam ayat yang menggambarkan orang yang beribadat di tengah malam, di mana ia sujud dan ruku' kerana takut kepada Allah dan kerana mengharapkan rahmat-Nya, juga dalam ayat yang menggambarkan orang yang takut kepada Allah, di mana kulit-kulit badannya menggelugut apabila mendengar ayat-ayat Al-Qur'an, kemudian kulit-kulit dan hati mereka kembali tenang mengingati Allah, juga dalam ayat-ayat yang mengarah kepada taqwa dan takut kepada 'azab Allah seperti firman-Nya:

قُلْ يَٰعِبَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ

"Katakanlah: Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu."(10)

Dan firman-Nya:

قُلْ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ١٣

"Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku."(13)

Dan firman-Nya:

لَهُم مِّن فَوْقِهِمْ ظُلَلٌ مِّنَ ٱلنَّارِ وَمِن تَحْتِهِمْ ظُلَلٌ ۚ ذَٰلِكَ يُخَوِّفُ ٱللَّهُ بِهِۦ عِبَادَهُۥ ۚ يَٰعِبَادِ فَٱتَّقُونِ ١٦

"Untuk mereka (disediakan) lapisan-lapisan dari api Neraka di atas mereka dan di bawah mereka juga (disediakan) lapisan-lapisan api yang sama. Demikianlah 'azab yang diancamkan

Allah kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu, wahai hamba-hamba-Ku, bertaqwalah kepada-Ku."(16)

Dan seterusnya dalam ayat-ayat yang menggambarkan pemandangan-pemandangan Qiamat yang penuh dengan suasana ketakutan, kecemasan, kepulangan kepada Allah dan khusyu'.

* * * * * *

Surah ini menangani satu maudhu' pokok dalam berbagai-bagai penjelajahan pendek dan berturut-turut. Hampir setiap penjelajahan diakhiri dengan pemandangan Qiamat atau dengan bayangannya. Kita akan cuba mengulaskan pengembaraan-pengembaraan itu mengikut tertibnya di dalam ayat, kerana sukar untuk dibahagikan surah ini kepada pelajaran-pelajaran yang besar, kerana setiap kumpulan ayatnya adalah sedikit yang hanya layak menjadi satu babak yang dikemukakan pada tempatnya. Dan himpunan dari babak-babak ini hanya menangani satu hakikat sahaja iaitu hakikat tauhid yang agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Lunas Kebenaran Yang Mendasari Penciptaan Alam Dan Penurunan Al-Qur'an

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾
إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ فَٱعْبُدِ ٱللَّهَ مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿٢﴾
أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلْخَالِصُ ۚ وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلْفَىٰٓ إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِى مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى مَنْ هُوَ كَٰذِبٌ كَفَّارٌ ﴿٣﴾

"Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (1). Sesungguhnya Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu dengan, membawa kebenaran. Oleh itu hendaklah engkau sembahkan Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (2). Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah. Dan orang-orang yang menyembah pelindung-pelindung yang lain dari Allah itu (berkata): Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya. Sesungguhnya Allah akan mengadili di antara mereka tentang perkara-perkara yang dipertikaikan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang pendusta dan pengingkar."(3)

ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾

"Kitab Al-Qur'an diturunkan dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(1)

Allah amat kuasa menurunkan Al-Qur'an dan *"Maha Bijaksana"* yakni Dia mengetahui untuk apa dan mengapa kitab Al-Qur'an itu diturunkan. Ia lakukan semuanya itu dengan hikmat yang tertentu dan dengan perencanaan dan pentadbiran yang rapi.

Ayat ini merupakan muqaddimah kepada persoalan tauhid yang menjadi maudhu' pokok surah ini dan Al-Qur'an adalah diturun untuk menjelaskan persoalan mentauhidkan Allah dan menumpukan kepada-Nya seluruh ibadat mentuluskan keta'atan kepada-Nya serta membersihkannya dari segala rupa bentuk syirik dan bertawajjuh kepada-Nya secara langsung tanpa orang tengah yang memberi syafa'at:

إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ

"Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan membawa kebenaran."(2)

Asas kebenaran yang diturunkan Al-Qur'an ialah asas Wahdaniyah yang mutlak yang menjadi tapak landasan alam al-wujud. Di dalam ayat yang kelima dari surah ini tersebut:

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ

"Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran."(5)

Itulah satu-satunya kebenaran yang menjadi asas wujudnya langit dan bumi, dan inilah kebenaran yang diturunkan oleh kitab Al-Qur'an. Itulah kebenaran yang dibuktikan oleh kesatuan peraturan yang mengendalikan perjalanan langit dan bumi. Itulah kebenaran yang dihuraikan oleh kitab Al-Qur'an. Itulah kebenaran yang menjadi sifat setiap makhluk yang diciptakan Allah di alam buana ini.

فَٱعْبُدِ ٱللَّهَ مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿٢﴾

"Oleh itu hendaklah engkau sembahkan Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya."(2)

Dasar Tauhid Menjiwai Kehidupan

Kata-kata ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. yang diturunkan Al-Qur'an kepadanya dengan membawa dasar kebenaran. Itulah sistem hidup tauhid yang diseru oleh beliau iaitu beribadat kepada Allah sahaja dan mentuluskan keta'atan kepada Allah sahaja dan seterusnya menegakkan seluruh kehidupan di atas dasar tauhid semata-mata.

Tetapi mentauhidkan Allah dan mentuluskan keta'atan kepada Allah bukannya semata-mata kata-kata yang diucapkan lidah, malah ia merupakan satu sistem hidup yang lengkap yang bermula dari kefahaman dan i'tiqad di dalam hati dan berakhir dengan penubuhan sebuah sistem yang merangkumi kehidupan individu dan masyarakat.

Hati yang mentauhidkan Allah hanya ta'at dan tunduk kepada Allah sahaja. Dia tidak menundukkan kepalanya kepada yang lain dari Allah. Dia tidak meminta sesuatu dari yang lain dari Allah. Dia tidak bergantung kepada mana-mana makhluk-Nya, kerana

hanya Allah sahaja Yang Maha Kuat di sisinya. Dialah sahaja yang menguasai seluruh hamba-Nya, dan seluruh hamba-Nya adalah lemah belaka tidak berupaya untuk memberi manfa'at dan mudarat. Hanya Allah sahaja yang memberi dan yang menahan. Justeru itu Dia tidak perlu bertawajjuh kepada yang lain dari Allah Yang Maha Kaya, kerana seluruh makhluk adalah fakir belaka.

Hati yang mentauhidkan Allah adalah beriman kepada kesatuan atau keesaan undang-undang Ilahi yang mengendalikan seluruh alam buana ini. Dia percaya bahawa sistem hidup yang dipilih Allah untuk manusia merupakan sebahagian undang-undang Ilahi yang satu itu. Kehidupan manusia tidak akan berjalan dengan baik dan tidak akan serasi dengan alam yang menjadi tempat hidupnya melainkan dengan mematuhi undang-undang itu. Oleh sebab itu dia tidak memilih sistem yang lain dari sistem yang telah dipilih Allah untuknya, dan dia tidak ikut melainkan syari'at Allah yang selaras dengan peraturan seluruh alam buana dan dengan peraturan hidup manusia.

Hati yang mentauhidkan Allah adalah menyedari adanya hubungan kekeluargaan yang rapat di antara insan dengan segala makhluk yang telah diciptakan Allah di alam buana ini. Dia hidup dalam sebuah alam yang menjadi sahabat baiknya dan dia merasa adanya tangan kekuasaan Allah pada seluruh kejadian yang wujud di sekelilingnya. Oleh kerana itu dia hidup mesra terhadap Allah dan segala makhluk ciptaan Allah yang disentuh tangannya dan dilihat matanya. Dia juga merasa takut berdosa dari menyakiti orang lain atau merosakkan sesuatu atau dari bertindak terhadap orang lain atau terhadap sesuatu melainkan mengikut bagaimana yang disuruhkan Allah Pencipta seluruh makhluk, Penghidup setiap makhluk yang bernyawa, juga Tuhannya dan Tuhan segala sesuatu dan segala yang bernyawa.

Demikianlah juga kesan-kesan tauhid itu lahir di dalam pemikiran-pemikiran dan perasaan-perasaan sebagaimana lahirnya di dalam tingkahlaku-tingkahlaku dan tindak tanduk, malah kesan-kesan tauhid itu menggariskan satu cara hidup yang sempurna, jelas dan tersendiri. Dan tauhid tidak lagi merupakan kata-kata yang diucapkan lidah. Justeru itulah Al-Qur'an memberi perhatian yang amat berat dalam menjelaskan 'aqidah tauhid dan mengemukakan pembicaraannya berulang-ulang kali. Ia merupakan satu pembicaraan yang perlu difikir dengan teliti oleh setiap orang di setiap zaman dan di setiap masyarakat, kerana tauhid dengan pengertian yang sedemikian merupakan satu konsep yang amat luas dan menyeluruh yang memerlukan kepada kefahaman yang mendalam.

أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلۡخَالِصُۚ

"Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah."(3)

Demikianlah Al-Qur'an mengumumkan konsep tauhid itu dengan nada yang lantang dan dengan ungkapan yang tegas dengan menggunakan kata-kata (ألا) yang menyarankan penegasan, dan menggunakan uslub yang menumpukan keta'atan yang tulus itu kepada Allah sahaja (لله الدين الخالص). Di sini makna ayat ini dikuatkan pula dengan struktur lafaznya. Tauhid adalah asas seluruh kehidupan manusia, malah asas seluruh alam buana, kerana itu tauhid harus ditanam, dijelas dan diumumkan dengan uslub bahasa yang tegas: ألا لله الدين الخالص - *"Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah."*

Kemudian Al-Qur'an memperkatakan dongeng yang digunakan oleh kaum Musyrikin untuk menentang da'wah tauhid:

أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلۡخَالِصُۚ وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَ مَا نَعۡبُدُهُمۡ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلۡفَىٰٓ إِنَّ ٱللَّهَ يَحۡكُمُ بَيۡنَهُمۡ فِي مَا هُمۡ فِيهِ يَخۡتَلِفُونَۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي مَنۡ هُوَ كَٰذِبٞ كَفَّارٞ ٣

"Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah. Dan orang-orang yang menyembah pelindung-pelindung yang lain dari Allah itu (berkata): Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya. Sesungguhnya Allah akan mengadili di antara mereka tentang perkara-perkara yang dipertikaikan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang pendusta dan pengingkar."(3)

Mereka mengumumkan bahawa Allah itulah Pencipta mereka dan Pencipta langit dan bumi, tetapi mereka tidak mengikut logik fitrah yang mengkhususkan ibadat dan keta'atan yang tulus itu kepada Allah sahaja tanpa sebarang sekutu. Mereka telah mengadakan dongeng malaikat sebagai anak Allah. Maha Suci Allah. Kemudian mereka membuat patung-patung malaikat untuk disembah mereka. Kemudian mereka menganggapkan bahawa perbuatan mereka menyembah berhala-berhala malaikat yang mereka dakwakannya sebagai tuhan-tuhan seperti berhala al-Laata, al-'Uzza dan Manata itu bukanlah bererti mereka menyembah berhala-berhala itu sendiri, malah berhala-berhala itu hanya merupakan sebagai wasilah yang mendekatkan mereka kepada Allah sahaja supaya ia memberi syafa'at di sisi Allah dan mendekatkan mereka kepada-Nya.

Kepercayaan dongeng ini merupakan satu penyelewengan dari kepercayaan yang lurus kepada kepercayaan yang berbelit dan karut. Malaikat-malaikat bukannya anak Allah. Berhala-berhala bukannya patung-patung malaikat. Penyelewengan ini bukannya diredhai Allah. Syafa'at mereka bukannya diterima Allah dan mereka tidak sekali-kali

mendekatkan mereka kepada Allah dengan cara yang seperti ini.

Umat manusia akan menyeleweng dari logik fitrah apabila mereka menyeleweng dari 'aqidah tauhid yang bersih dan lurus yang dibawa oleh Islam dan sekalian Rasul. Pada hari ini kita dapat melihat di setiap tempat manusia-manusia yang menyembah tokoh-tokoh suci dan wali-wali sama seperti kaum Arab dahulu kala yang menyembah malaikat-malaikat atau patung-patung malaikat dengan anggapan untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah atau untuk mendapatkan syafa'at mereka di sisi Allah, sedangkan Allah S.W.T. telah pun menentukan jalan menuju kepada-Nya iaitu jalan tauhid yang bersih dari orang tengah atau syafa'at seperti dongeng kaum Musyrikin yang aneh itu!

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَٰذِبٌ كَفَّارٌ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang pendusta dan pengingkar."(3)

Mereka melakukan pembohongan terhadap Allah dengan mengatakan malaikat sebagai anak-Nya dan mendakwa bahawa menyembah malaikat dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah, sedangkan dengan penyembahan ini mereka menjadi kafir dan melanggar perintah Allah yang amat jelas.

Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang mendusta dan mengingkarkan-Nya. Hidayat merupakan ganjaran kepada usaha bertawajjuh kepada Allah dan sikap tulus ikhlas kepada Allah dan keinginan kepada hidayat, dan seterusnya merupakan ganjaran kepada usaha mencari jalan yang betul. Orang-orang yang berdusta dan mengingkar tidak wajar menerima hidayat dan ri'ayah Allah, kerana mereka telah memilih jalan yang menjauhkan mereka dari jalan Allah.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan kekarutan kefahaman ini:

لَّوْ أَرَادَ ٱللَّهُ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا لَّٱصْطَفَىٰ مِمَّا يَخْلُقُ
مَا يَشَآءُ ۚ سُبْحَٰنَهُۥ ۖ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٤﴾

"Sekiranya Allah mahu mengambil anak tentulah Dia sendiri akan memilihkan apa sahaja yang disukai-Nya di antara makhluk-makhluk yang diciptakan-Nya. Maha Sucilah Allah. Dialah Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(4)

Ini hanya suatu andaian perdebatan untuk membetulkan kefahaman sahaja. Bagi Allah, andainya Dia mahu mengambil anak tentulah Dia akan memilih apa yang disukai-Nya di antara makhluk-makhluk, kerana iradat Allah itu mutlak tidak terbatas, tetapi Allah membersihkan dirinya dari mengambil anak. Oleh kerana itu tiada siapa pan yang berhak menghubungkan anak kepada-Nya. Inilah kehendak iradat-Nya dan inilah pembersihan Allah terhadap diri-Nya yang menafikan anak dan sekutu.

سُبْحَٰنَهُۥ ۖ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٤﴾

"Maha Sucilah Allah. Dialah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(4)

Apa perlunya Allah mengambil anak, sedangkan Dialah Pencipta dan Pentadbir segala sesuatu? Segala sesuatu dan setiap orang adalah milik-Nya. Dia bebas berbuat apa sahaja yang disukai-Nya terhadap mereka:

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ يُكَوِّرُ ٱلَّيْلَ
عَلَى ٱلنَّهَارِ وَيُكَوِّرُ ٱلنَّهَارَ عَلَى ٱلَّيْلِ ۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ
وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ أَلَا هُوَ
ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفَّٰرُ ﴿٥﴾

"Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran. Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam, dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan hingga ke suatu waktu yang ditentukan. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(5)

Ayat yang menarik perhatian kepada alam langit dan bumi, kepada kejadian siang dan malam dan kepada penciptaan matahari dan bulan menyarankan kepada fitrah manusia hakikat ketuhanan yang tidak layak mempunyai anak dan sekutu, kerana yang berkuasa menjadikan seluruh makhluk ini tidak lagi memerlukan kepada anak dan sekutu.

Bukti Wahdaniyah Allah itu amat jelas dilihat pada dalam cara penciptaan langit dan bumi dan pada perjalanan undang-undang yang mengendalikan alam buana ini. Pemerhatian kepada langit dan bumi sahaja membayangkan wujudnya keesaan iradat yang mencipta dan mentadbir. Bukti-bukti keesaan iradat yang ditemui manusia sehingga hari ini pun sudah cukup. Kini telah jelas bahawa alam ini seluruhnya adalah tersusun dari atom-atom yang mempunyai satu hakikat yang sama, sedangkan atom-atom ini pula terdiri dari radiasi-radiasi yang mempunyai tabi'at yang sama. Begitu juga kini telah jelas bahawa seluruh atom dan seluruh jirim yang tersusun dari atom-atom itu sama ada bumi tempat kediaman kita atau planet-planet dan bintang-bintang yang lain adalah sentiasa bergerak dan pergerakan ini merupakan satu undang-undang yang tetap yang tak pernah mungkir sama ada pada atom yang kecil atau pada bintang yang besar. Dan telah jelas pula bahawa pergerakan ini mempunyai satu peraturan yang tetap yang membayangkan wujudnya keesaan penciptaan dan keesaan pentadbiran. Setiap hari manusia menemui bukti-bukti yang baru yang membuktikan keesaan dalam penciptaan alam buana ini, juga menemui asas kebenaran yang tetap dalam penciptaan itu, yang tidak terumbang-ambing mengikut hawa nafsu dan tidak pernah mungkir dan menyeleweng walau sesa'at pun.

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ

"Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran."(5)

Allah telah menurunkan Al-Qur'an dengan asas kebenaran, iaitu satu asas kebenaran yang sama yang terdapat pada alam buana dan pada kitab suci Al-Qur'an. Kedua-duanya terbit dari sumber yang sama. Kedua-duanya menjadi bukti keesaan Pencipta Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

يُكَوِّرُ ٱلَّيْلَ عَلَى ٱلنَّهَارِ وَيُكَوِّرُ ٱلنَّهَارَ عَلَى ٱلَّيْلِ

"Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam."(5)

Bukti Bumi Bulat

Ini adalah satu ungkapan yang amat mena'jubkan. Ia begitu kuat menarik perhatian seseorang kepada penemuan mutakhir mengenai teori "bumi bulat" walaupun saya dalam tafsir ini, amat berhati-hati supaya saya tidak meletakkan pentafsiran Al-Qur'an ini di atas teori-teori yang ditemui manusia, kerana teori-teori itu kadang-kadang salah dan kadang-kadang betul. Hari ini ia teguh, besok ia roboh, sedangkan Al-Qur'an merupakan satu kebenaran yang tetap teguh dan bukti kebenarannya bersebati dengannya, bukan diambil dari penyesuaian atau pertentangan dengan pendapat-pendapat manusia yang lemah.

Walaupun demikian sikap hati-hati saya, namun ungkapan ini begitu kuat menarik saya kepada teori bumi bulat, kerana ungkapan ini menggambarkan satu hakikat yang amat jelas yang dapat diperhatikan di permukaan bumi ini. Bumi yang bulat itu berputar di sekeliling dirinya di hadapan matahari, di mana bahagian yang berhadapan dengan matahari dari permukaannya yang membundar itu diselubungi cahaya matahari dan mewujudkan hari siang, tetapi bahagian ini tidak tetap kerana bumi selalu berpusing. Dan apabila bumi bergerak, maka malam pun mulai menyelubungi permukaan bumi yang berada dalam siang hari ini. Permukaan bumi itu membundar dan hari siang dililitkan ke atasnya dan kemudian hari malam pula dililitkan ke atasnya. Dan sebentar kemudian hari siang bermula pula dari arah yang satu lagi, di mana ia melilit di atas malam hari. Demikianlah bumi sentiasa bergerak dan berpusing:

يُكَوِّرُ ٱلَّيْلَ عَلَى ٱلنَّهَارِ وَيُكَوِّرُ ٱلنَّهَارَ عَلَى ٱلَّيْلِ

"Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam."(5)

Kata-kata ayat ini sendiri menggambarkan bentuk bumi, kedudukan, jenis sifat bumi dan pergerakannya. Kebulatan bentuk bumi dan putarannya adalah mentafsirkan ungkapan ayat ini dengan tafsiran yang lebih halus dari mana-mana tafsiran yang tidak mengikut teori ini.

وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى

"Dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan hingga ke suatu waktu yang ditentukan."(5)

Yakni matahati berjalan di tempat peredarannya dan bulan juga berjalan di tempat peredarannya. Kedua-duanya dicipta dan ditundukkan kepada perintah Allah. Logik fitrah tidak menerima bahawa kedua-duanya berjalan tanpa penggerak yang mengendalikan kedua-duanya dengan peraturan-peraturan yang halus yang tidak pernah mungkir sedikit pun sejak berjuta-juta tahun. Dan matahari dan bulan itu akan berjalan hingga satu waktu yang ditentukan. Dan hanya Allah sahaja yang mengetahui waktu itu.

أَلَا هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفَّٰرُ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(5)

Di samping bersifat gagah, kuasa dan perkasa Dia juga bersifat Maha Pema'af kepada orang-orang yang bertaubat dan kembali kepada-Nya dari mereka yang mendusta dan mengingkari-Nya dan menyembah tuhan-tuhan yang lain di samping-Nya, juga mereka yang menganggapkan-Nya mempunyai anak sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Jalan sentiasa terbuka lebar kepada mereka untuk kembali kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 6)

Setelah menarik perhatian kepada alam buana yang besar, Al-Qur'an berpindah pula menyentuh kejadian diri manusia itu sendiri dan kejadian-kejadian binatang ternakan sebagai bukti hayat yang dekat dengan mereka:

Maksud Manusia Diciptakan Dari Yang Satu

خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْأَنْعَٰمِ ثَمَٰنِيَةَ أَزْوَٰجٍ يَخْلُقُكُمْ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ خَلْقًا مِّنۢ بَعْدِ خَلْقٍ فِى ظُلُمَٰتٍ ثَلَٰثٍ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٦﴾

"Dia telah menciptakan kamu dari diri yang satu, kemudian darinya Dia ciptakan isterinya dan Dia telah menurunkan untuk kamu lapan pasang dari binatang ternakan. Dia jadikan kamu di dalam perut ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian kepada satu kejadian dalam tiga kegelapan. Pencipta bagi semua kejadian itu ialah Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit bumi), tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan?"(6)

Apabila manusia mengamati kejadian dirinya sendiri, iaitu dirinya yang bukan dia yang menciptakannya dan dirinya yang dia tidak mengetahui hakikat kejadiannya melainkan sekadar yang diceritakan Allah, dirinya adalah diri yang satu dan mempunyai tabi'at yang satu dan ciri-ciri yang satu yang membezakannya dari makhluk-makhluk yang lain. Seluruh individu manusia terkumpul dalam ruang lingkup ciri-ciri itu. Oleh itu jiwa manusia adalah satu sahaja dalam jutaan manusia yang hidup di merata pelosok bumi dan dalam seluruh generasinya. Isterinya juga diciptakan dari diri yang satu itu juga, kerana itu perempuan mempunyai titik-titik persamaan dengan lelaki dalam ciri-ciri umum manusia walaupun terdapat perbezaan-perbezaan dalam perincian ciri-ciri itu yang menunjukkan wujudnya keesaan atau kesatuan pelan penciptaan asasi makhluk manusia lelaki dan perempuan dan keesaan iradat yang menciptakannya dengan dua jenisnya itu.

Di samping menyebut ciri berpasangan pada kejadian manusia, Al-Qur'an juga menyebut ciri berpasangan pada kejadian binatang-binatang ternakan. Ini membuktikan wujudnya kesatuan atau keesaan asas dalam penciptaan makhluk-makhluk yang hidup:

وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْأَنْعَٰمِ ثَمَٰنِيَةَ أَزْوَٰجٍ

"Dia telah menurunkan untuk kamu lapan pasang dari binatang ternakan."(6)

Maksud Lapan Pasang Binatang Ternakan

Maksud lapan pasang ternakan - sebagaimana diterangkan di dalam satu ayat yang lain - ialah biri-biri, kambing, lembu dan unta yang terdiri dari jantan dan betina. Setiap jantan dan betina apabila berkumpul dinamakan pasangan dan di sana terdapat lapan pasangan semuanya. Penciptaan ternakan untuk kegunaan manusia itu diungkapkan dengan kata-kata menurunkan binatang-binatang ternakan itu dari sisi Allah. Ia diturunkan dari hadrat Allah Yang Maha Tinggi kepada alam manusia, dan mereka juga mendapat keizinan dari sisi Allah untuk memanfa'atkan binatang-binatang itu.

Kemudian setelah menyebut keesaan sifat berpasangan pada manusia dan binatang ternakan, ayat yang berikut kembali pula memperkatakan peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia di dalam perut ibu mereka:

Perkembanan Kejadian Manusia Di Dalam Rahim

يَخْلُقُكُمْ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ خَلْقًا مِّنۢ بَعْدِ خَلْقٍ

"Dia jadikan kamu di dalam perut ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian kepada satu kejadian."(6)

Yakni dari nutfah kepada segumpal sel kepada seketul daging dan kepada tulang-temalang dan akhirnya kepada kejadian bentuk rupa manusia yang sempurna sifatnya.

"Dalam tiga kegelapan."(6)

Yakni kegelapan pundi-pundi yang mengisi janin dan kegelapan rahim tempat terletaknya pundi-pundi janin dan kegelapan perut, di mana terletaknya rahim. Tangan qudrat Allah telah menciptakan sel yang seni ini yang berkembang dari satu kejadian kepada satu kejadian, dan mata pemeliharaan Allahlah yang memelihara makhluk yang seni ini dan memberikannya daya untuk bertumbuh subur, daya untuk berkembang, daya untuk meningkat dan daya untuk meneruskan perjalanan menjadi manusia dengan sifat-sifatnya yang ditentukan Allah.

Usaha mengikuti perjalanan nutfah yang pendek masanya dan jauh kesannya itu, di samping mengikuti perubahan-perubahan dan peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui olehnya di samping mengikuti ciri-ciri yang mena'jubkan,yang memimpin sel yang lemah ini dalam perjalanannya di alam yang gelap itu, boleh membawa hati manusia dapat melihat tangan qudrat Allah Yang Maha Pencipta, iaitu melihat qudrat-Nya dengan kesan-kesannya yang amat terang dan beriman kepada Wahdaniyah-Nya, di mana kesan-kesannya dapat dilihat dengan nyata cara-cara Allah menciptakan makhluk ini. Bagaimana hati boleh dipesongkan dari melihat hakikat Wahdaniyah ini?

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٦﴾

"Pencipta bagi semua kejadian itu ialah Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit bumi) tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan?"(6)

(Pentafsiran ayat 7)

Setelah melihat dengan jelas bukti Wahdaniyah yang mutlak dan bukti qudrat yang sempurna, Al-Qur'an meletakkan mereka di depan diri mereka sendiri di persimpangan jalan di antara kekufuran dan kesyukuran, juga di depan tanggungjawab individu secara langsung dalam memilih jalan tersebut. Dan seterusnya ia menerangkan kepada mereka tentang kesudahan perjalanan itu dan tentang upacara hisab yang menunggu mereka di sana, iaitu upacara hisab yang akan dikendalikan Allah S.W.T. sendiri yang telah menciptakan mereka dan mengetahui segala rahsia di dalam hati mereka:

إِن تَكْفُرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنكُمْ وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ ٱلْكُفْرَ وَإِن تَشْكُرُوا۟ يَرْضَهُ لَكُمْ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٧﴾

"Jika kamu kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dari berhajat kepada kamu. Dan Dia tidak redhakan kekufuran itu kepada hamba-Nya. Dan jika kamu bersyukur nescaya Dia mengurniakan keredhaan-Nya kepada kamu. Dan seseorang yang berdosa tidak menanggung dosa orang yang lain. Kemudian kepada Tuhanmu kembalinya kamu dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala isi dada."(7)

Perjalanan di dalam perut ibu ini ialah satu peringkat perjalanan di sebuah jalan yang amat panjang yang diikuti oleh satu peringkat perjalanan hidup di luar perut ibu, kemudian diiringi pula dengan peringkat terakhir iaitu peringkat Hisab dan balasan mengikut tadbir Allah Yang Maha Pencipta, Maha Mengetahui dan Maha Sempurna ilmu pengetahuan-Nya.

Allah S.W.T. adalah Maha Kaya dari berhajat kepada hamba-hamba-Nya yang lemah. Dia menjaga dan memelihara mereka semata-mata kerana limpah rahmat dan kurnia-Nya.

إِن تَكْفُرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنكُمْ

"Jika kamu kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dari berhajat kepada kamu."(7)

Keimanan kamu tidak menambahkan keagungan kerajaan-Nya sedikit pun, dan kekufuran kamu tidak mengurangkan-Nya seurat benang pun, tetapi Allah tidak redha dan tidak suka kepada kekufuran orang-orang yang kafir terhadap-Nya:

وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ ٱلْكُفْرَ وَإِن تَشْكُرُوا۟ يَرْضَهُ لَكُمْ

"Dan Dia tidak redhakan kekufuran itu kepada hamba-Nya.Dan jika kamu bersyukur nescaya Dia mengurniakan keredhaan-Nya kepada kamu."(7)

Allah memperkenankan kesyukuran itu dari kamu dan akan membalaskannya dengan balasan yang baik.

Setiap orang bertanggungjawab terhadap amalannya dan akan dihisabkan segala usahanya. Tiada seorang pun boleh menanggung bebanan dosa orang lain kerana setiap orang masing-masing menanggung bebanan dosanya sendiri:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

"Dan seorang yang berdosa tidak menanggung dosa orang yang lain."(7)

Titik kembali pada akhirnya ialah kepada Allah bukan kepada yang lain dari-Nya. Tiada jalan lari dari Allah dan tiada tempat perlindungan pada yang lain dari Allah.

ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

"Kemudian kepada Tuhanmu kembalinya kamu dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(7)

Dan tiada suatu pun yang terlindung dari ilmu Allah:

إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala isi dada."(7)

Inilah kesudahan manusia dan itulah bukti-bukti hidayat dan inilah persimpangan jalan dan setiap orang bebas memilih dengan berlandaskan bukti yang jelas, penelitian yang hemat selepas mendapat ilmu pengetahuan dan berfikir.

(Kumpulan ayat-ayat 8 - 10)

وَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُۥ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا خَوَّلَهُۥ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِىَ مَا كَانَ يَدْعُوٓا۟ إِلَيْهِ مِن قَبْلُ وَجَعَلَ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ قَلِيلًا ۖ إِنَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ﴿٨﴾

أَمَّنْ هُوَ قَٰنِتٌ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ سَاجِدًا وَقَآئِمًا يَحْذَرُ ٱلْءَاخِرَةَ وَيَرْجُوا۟ رَحْمَةَ رَبِّهِۦ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٩﴾

قُلْ يَٰعِبَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ وَأَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةٌ ۗ إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

"Dan apabila seseorang manusia itu disentuh sesuatu kesusahan ia berdo'a kepada Tuhannya dengan kembali kepada-Nya, kemudian apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya ia terus lupakan kesusahan yang kerananya ia berdo'a kepada Allah sebelum itu dan dia mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa. Sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka (8). (Apakah kamu yang lebih beruntung?) Atau orang yang beribadat di waktu malam dengan sujud atau berdiri, sedangkan ia takut kepada ('azab) Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya. Katakanlah: Apakah sama (di antara) orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran (9). Katakanlah: Wahai hamba-hambaku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. Orang-orang yang

berbuat kebaikan di dunia ini akan memperolehi balasan yang baik. Dan bumi Allah itu amat luas. Hanya orang-orang yang bersabar akan disempurnakan pahala mereka tanpa hisab."(10)

Di dalam pusingan yang pertama Al-Qur'an menyentuh hati mereka dengan mengemukakan kisah kewujudan mereka dan kisah mereka diciptakan Allah dari diri yang satu dan mengahwinkan diri yang satu itu dengan diri yang sejenis dengannya, juga kisah binatang-binatang ternakan yang diciptakan berpasang-pasangan seperti mereka, dan seterusnya kisah mereka dijadikan Allah di dalam perut ibu-ibu mereka di dalam tiga kegelapan. Al-Qur'an menyedarkan mereka bahawa Allah mula-mula kurniakan kepada mereka ciri-ciri bangsa manusia kemudian mengurniakan pula ciri-ciri untuk kekal dan meningkat tinggi.

Di dalam ayat-ayat bahagian ini Al-Qur'an sekali lagi menyentuh hati mereka dengan mengemukakan gambaran-gambaran diri mereka semasa dalam kesusahan dan semasa dalam kesenangan. Ia memperlihatkan kepada mereka tabi'at mereka yang berubah-ubah, sifat mereka yang lemah, mengada-ngada dan tidak mempunyai sifat yang di atas satu jalan melainkan apabila mempunyai hubungan dengan Allah, menyintai-Nya dan beribadat kepada-Nya. Ketika ini barulah mereka mengetahui jalan dan hakikat yang benar dan dapat mengambil manfa'at dari ciri-ciri insaniyah yang dikurniakan kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 8)

وَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُۥ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا خَوَّلَهُۥ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِىَ مَا كَانَ يَدْعُوٓا۟ إِلَيْهِ مِن قَبْلُ وَجَعَلَ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ قَلِيلًا ۖ إِنَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ﴿٨﴾

"Dan apabila seseorang manusia itu disentuh sesuatu kesusahan ia berdo'a kepada Tuhannya dengan kembali kepada-Nya, kemudian apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya ia terus lupakan kesusahan yang kerananya ia berdo'a kepada Allah sebelum itu dan dia mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa. Sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka."(8)

Psikologi Manusia Semasa Senang Dan Susah

Fitrah manusia akan kelihatan telanjang bogel apabila ia ditimpa kesusahan, ketika itu segala timbunan fikiran yang salah akan gugur darinya, segala hijab dan prasangka akan terhapus, malah ia akan bertawajjuh kepada Allah dan akan pulang kepada-Nya sahaja, kerana dia sedar bahawa yang lain dari Allah adalah tidak berkuasa mengangkatkan kesusahannya, dan kerana dia mengetahui bahawa sekutu-sekutu dan tukang-tukang syafa'at yang diada-adakan olehnya itu adalah bohong belaka.

Tetapi apabila kesusahan itu hilang dan kesenangan datang dan apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya dan mengangkatkan kesusahan itu darinya, maka dia akan kembali meletakkan timbunan fikiran yang salah ke atas fitrahnya. Dia lupakan do'anya, lupakan taubatnya dan lupakan tauhidnya kepada Allah. Dia lupakan kerinduannya dan harapannya kepada Allah di sa'at kesusahannya. Dia lupakan segala-galanya, malah ia sanggup pula mengada-adakan sekutu-sekutu kepada Allah sama ada dalam bentuk tuhan-tuhan yang disembah seperti di zaman jahiliyah yang pertama atau dalam bentuk nilai-nilai, tokoh-tokoh dan undang-undang yang semuanya dijadikannya sekutu-sekutu kepada Allah sebagaimana dilakukan banyak masyarakat-masyarakat jahiliyah. Ketika itu ia menyembah hawa nafsunya, menyembah keinginan dan tamak halobanya, menyembah ketakutan-ketakutannya, menyembah harta dan anak-anaknya, menyembah pemerintah-pemerintah dan pembesar-pembesarnya sebagaimana ia menyembah Allah atau lebih ikhlas lagi, ia menyintai sekutu-sekutu itu sebagaimana ia menyintai Allah atau dengan cinta yang lebih mendalam lagi. Syirik itu ada berbagai bentuknya. Ada syirik khafi (halus) yang tidak dikirakan manusia sebagai perbuatan syirik kerana ia tidak mengambil bentuk syirik yang biasa yang diketahui umum, sedangkan perbuatan itu merupakan jantung syirik.

Akibat dari syirik itu ialah kesesatan dari jalan Allah, kerana jalan Allah itu hanya satu tidak berbilang. Penumpuan ibadat, tawajjuh dan kasih kepada Allah sahaja itulah satu-satunya jalan menuju kepada Allah. Kepercayaan kepada Allah tidak dapat menerima apa sahaja bentuk perkongsian di dalam hati sama ada perkongsian dengan harta kekayaan, anak, tanahair, tanah milik, sahabat dan kaum kerabat. Mana-mana perkongsian di dalam hati dari kongsi-kongsi tersebut atau sebagainya adalah dikira sebagai perbuatan mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah dan sebagai perbuatan yang sesat dari jalan Allah yang boleh membawa pada akhirnya kepada Neraka apabila tamat meni'mati hidup yang sebentar di dunia nanti:

قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ قَلِيلًا ۖ إِنَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ﴿٨﴾

"Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa, sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka."(8)

Segala keni'matan di dunia ini hanya sebentar sahaja walaupun panjang masanya. Umur hidup seseorang di dunia ini hanya pendek sahaja walaupun usianya lanjut, malah masa hidup umat manusia di muka bumi hanya sebentar sahaja dibandingkan dengan kiraan hari-hari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 10)

Gambaran Mu'min Yang Gemilang

Di samping mengemukakan gambaran manusia yang malang ini, Al-Qur'an mengemukakan satu gambaran lagi, iaitu gambaran hati insan yang takut kepada Allah, insan yang mengingati Allah dan tidak pernah melupakannya sama ada di masa senang atau di masa susah, insan yang hidup di muka bumi dengan hati yang waspada terhadap akibat di Akhirat dan dengan hati yang penuh harapan terhadap rahmat dan limpah kurnia Allah. Perhubungan dengan Allah itu melahirkan ilmu pengetahuan yang betul yang dapat memahami hakikat-hakikat kewujudan makhluk:

أَمَّنْ هُوَ قَٰنِتٌ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ سَاجِدًا وَقَآئِمًا يَحْذَرُ ٱلْأَٰخِرَةَ وَيَرْجُوا۟ رَحْمَةَ رَبِّهِۦ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٩﴾

"(Apakah kamu yang lebih beruntung?) Atau orang yang beribadat di waktu malam dengan sujud atau berdiri, sedangkan ia takut kepada ('azab) Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya. Katakanlah: Apakah sama (di antara) orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui. Sesungguhnya orang-orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(9)

Ini adalah satu gambaran Mu'min yang amat gemilang dan peka, gambaran insan yang beribadat, ta'at bertawajjuh kepada Allah, takut kepada 'azab Akhirat dan mengharapkan rahmat Allah dan gambaran kejernihan iman yang membuka matahati, memberi keni'matan wawasan yang jelas dan penerimaan ma'rifat kepada hati. Semuanya ini merupakan satu gambaran insan Mu'min yang cemerlang yang bertentangan dengan gambaran insan yang malang yang dilukiskan oleh ayat yang terdahulu, kerana itu Al-Qur'an membuat perbandingan:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ

"Katakanlah: Apakah sama (di antara) orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?"(9)

Ilmu Pengetahuan Yang Sebenar

Ilmu yang sebenar ialah ma'rifat iaitu mengenali Allah yang benar dan terbukanya matahati serta terjalinnya hubungan dengan hakikat-hakikat yang tetap di alam al-wujud ini. Ilmu yang sebenar itu bukannya kumpulan maklumat-maklumat yang terpisah satu sama lain yang terkumpul di dalam otak dan tidak membawa kepada mengenali hakikat-hakikat alam buana yang agung dan tidak melewati batas alam yang nyata.

Jalan menuju ilmu yang haqiqi dan ma'rifat yang terang ialah beribadat kepada Allah, mempunyai hati yang peka terhadap Allah, mempunyai perasaan takut dan waspada terhadap akibat di hari Akhirat, menaruh kerinduan dan harapan kepada rahmat dan limpah kurnia Allah, bermuraqabah dengan Allah dengan hati yang gentar dan khusyu'. Inilah jalan menuju kepada Allah. Oleh sebab itu orang yang menjalani jalan ini dapat memahami dan mengenali isi hakikat, dapat mengambil manfa'at dari segala apa yang dilihat, segala apa yang didengar dan segala apa yang dialaminya dan dapat sampai kepada hakikat-hakikat agung yang tetap, yang wujud di sebalik pemandangan-pemandangan dan pengalaman-pengalaman yang kecil itu. Adapun orang-orang yang hanya berdiri dan berhenti di perbatasan pengalaman dan pemandangan-pemandangan yang zahir sahaja yang terpisah satu sama lain itu, maka mereka hanya merupakan pengumpul-pengumpul maklumat sahaja bukannya ahli-ahli ilmu yang sebenar.

إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(9)

Hanya orang-orang yang mempunyai hati yang sedar dan terbuka matanya sahaja yang dapat mengetahui hakikat-hakikat di sebalik fenomena-fenomena yang lahir ini. Merekalah yang dapat mengambil faedah dari apa yang dilihat dan diketahui mereka. Merekalah yang mengingati Allah pada segala sesuatu yang dilihat dan disentuh mereka. Mereka tidak lupakan Allah dan tidak lupakan hari pertemuan dengan-Nya.

Setelah mengemukakan dua gambaran insan itu, Al-Qur'an berpaling pula kepada orang-orang yang beriman. Ia menyeru mereka supaya bertaqwa dan membuat amalan yang baik dan menggunakan kehidupan dunia sebagai sarana untuk mendapatkan keuntungan yang panjang di dalam kehidupan Akhirat:

قُلْ يَٰعِبَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ وَأَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةٌ ۗ إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

"Katakanlah: Wahai hamba-hambaku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini akan memperolehi balasan yang baik. Dan bumi Allah itu amat luas. Hanya orang-orang yang bersabar akan disempurnakan pahala mereka tanpa hisab."(10)

Ungkapan:

يَٰعِبَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman!"(10)

merupakan satu lencongan yang istimewa. Ia pada asalnya berbunyi: Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang beriman! Katakanlah kepada mereka:

اتَّقُوا رَبَّكُمْ ۚ

"Bertaqwalah kepada Tuhan kamu."(10)

Tetapi dalam ungkapan ini ia jadikan Rasulullah itu secara langsung menyeru mereka kerana seruan itu mengandungi pengumuman dan peringatan. Rasulullah s.a.w. tentulah tidak berkata kepada mereka: "*Wahai hamba-hambaku*" (ياعباد) kerana mereka adalah hamba-hamba Allah. Oleh itu lencongan ini dibuat apabila beliau ditugas menyampaikan perintah Allah supaya beliau menyeru mereka dengan nama Allah, kerana seruan itu pada hakikatnya adalah seruan dari Allah, sedangkan Nabi Muhammad s.a.w. adalah tidak lebih dari seorang rasul yang menyampaikan seruannya itu sahaja.

قُلْ يَا عِبَادِ الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا رَبَّكُمْ ۚ

"Katakanlah: Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu."(10)

Taqwa ialah kesedaran yang amat peka di dalam hati dan sikap yang sentiasa mengingati Allah dengan penuh waspada dan takut serta penuh harapan dan minat, juga sikap berhati-hati dari mendapat kemurkaan Allah dan sikap penuh minat mencari keredhaan-Nya, iaitu sifat-sifat yang terdapat pada gambaran yang cemerlang yang dilukiskan oleh ayat yang terdahulu terhadap kelompok hamba-hamba Allah yang khusyu' beribadat.

لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَٰذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ

"Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini akan memperolehi balasan yang baik."(10)

Kesanggupan Berhijrah

Alangkah murahnya balasan itu! Satu perbuatan yang baik dalam kehidupan dunia yang pendek dan kerdil ini dibalas dengan kebaikan yang berkekalan di negeri Akhirat. Tetapi itulah limpah kurnia Allah terhadap makhluk manusia. Dia memulia dan memelihara mereka walaupun Dia tahu kelemahan dan kekecilan usaha mereka.

وَأَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةٌ ۗ

"Dan bumi Allah itu amat luas."(10)

Justeru itu janganlah kamu patah semangat kerana cintakan kampung halaman dan kerana kasihkan hubungan kekeluargaan dalam sesuatu negeri hingga kamu tidak sanggup lagi berhijrah darinya apabila agama kamu ditindas dan apabila kamu tidak dapat lagi melakukan amalan-amalan kebaikan di negeri itu, kerana sikap yang terlalu kasih kepada kampung halaman di dalam keadaan yang seperti ini merupakan pintu dari pintu-pintu yang dimasuki syaitan dan merupakan sejenis perbuatan mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah di dalam hati manusia.

Ini adalah satu penarikan perhatian Al-Qur'an yang amat seni. Ia menarik perhatian kepada pintu-pintu syirik di dalam hati manusia ketika membicarakan persoalan tauhid dan taqwa kepada Allah. Ini membayangkan bahawa Al-Qur'an ini adalah dari Allah, kerana tiada yang dapat mengubati hati manusia sedemikian rupa melainkan Penciptanya sendiri yang amat mengetahui segala rahsianya.

Allah yang menciptakan manusia itu mengetahui bahawa berhijrah dari kampung halaman itu merupakan satu perkara yang amat berat di hati seseorang, dan memutuskan hubungan kekeluargaan itu juga merupakan sesuatu yang amat sukar, dan meninggalkan kehidupan biasa dan punca-punca pencarian rezeki untuk membangun satu kehidupan yang baru di suatu negeri yang baru itu merupakan satu perintah yang amat sulit kepada manusia. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyebut di sini kelebihan sabar dan balasan yang sempurna di sisi Allah tanpa hisab:

إِنَّمَا يُوَفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

"Hanya orang-orang yang bersabar akan disempurnakan pahala mereka tanpa hisab."(10)

Dengan keterangan dan sentuhan ini Al-Qur'an dapat memikat hati mereka pada tempatnya yang sesuai dan dapat mengubati hati-hati yang lemah itu dengan penawar yang mujarab. Ia menghembuskan bayu perdampingan dengan Allah dan bayu rahmat-Nya ketika menghadapi kesusahan. Ia membuka pintu-pintu ganti rugi terhadap tanahair, kampung halaman, kaum keluarga dan kehidupan biasa yang ditinggalkan itu dengan limpah kurnia Allah yang tidak terkira. Maha Sucilah Allah Yang Maha Mengetahui segala rahsia hati manusia, segala pintu-pintunya dan liku-liku jalannya.

(Kumpulan ayat-ayat 11- 20)

قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿١١﴾

وَأُمِرْتُ لِأَنْ أَكُونَ أَوَّلَ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٢﴾

قُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣﴾

قُلِ اللَّهَ أَعْبُدُ مُخْلِصًا لَهُ دِينِي ﴿١٤﴾

فَاعْبُدُوا مَا شِئْتُمْ مِنْ دُونِهِ ۗ قُلْ إِنَّ الْخَاسِرِينَ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ وَأَهْلِيهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ أَلَا ذَٰلِكَ هُوَ الْخُسْرَانُ الْمُبِينُ ﴿١٥﴾

لَهُم مِّن فَوْقِهِمْ ظُلَلٌ مِّنَ النَّارِ وَمِن تَحْتِهِمْ ظُلَلٌ ۚ ذَٰلِكَ يُخَوِّفُ اللَّهُ بِهِ عِبَادَهُ ۚ يَا عِبَادِ فَاتَّقُونِ ﴿١٦﴾

وَالَّذِينَ اجْتَنَبُوا الطَّاغُوتَ أَن يَعْبُدُوهَا وَأَنَابُوا إِلَى اللَّهِ لَهُمُ الْبُشْرَىٰ ۚ فَبَشِّرْ عِبَادِ ﴿١٧﴾

الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ ۚ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمْ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٨﴾

أَفَمَنْ حَقَّ عَلَيْهِ كَلِمَةُ الْعَذَابِ أَفَأَنتَ تُنقِذُ مَن فِي النَّارِ ﴿١٩﴾

لَٰكِنِ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ غُرَفٌ مِّن فَوْقِهَا غُرَفٌ مَّبْنِيَّةٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ وَعْدَ اللَّهِ ۖ لَا يُخْلِفُ اللَّهُ الْمِيعَادَ ﴿٢٠﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (11). Dan aku telah diperintahkan supaya menjadi orang pertama dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah) (12). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku (13). Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang aku sembah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya dalam agamaku (14). Sembahlah apa sahaja yang kamu kehendaki selain dari Allah. Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang rugi itu ialah orang-orang yang kerugian diri mereka sendiri dan keluarga mereka pada hari Qiamat. Ingatlah! Itulah kerugian yang amat jelas (15). Untuk mereka (disediakan) lapisan-lapisan dari api Neraka di atas mereka dan di bawah mereka juga (disediakan) lapisan-lapisan api yang sama (dari api Neraka). Demikianlah 'azab yang diancamkan Allah kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu wahai hamba-hamba-Ku! Bertaqwalah kepada-Ku (16). Dan orang-orang yang menjauhi Taghut iaitu dari menyembahkannya dan kembali kepada Allah, maka untuk mereka berita yang amat mengembirakan. Oleh itu sampaikanlah berita gembira itu kepada hamba-hamba-Ku ......(17) Yang mendengar perkataan-perkataan dan mengikut mana-mana perkataan yang paling baik darinya. Merekalah orang-orang yang diberikan hidayat oleh Allah, dan merekalah orang-orang yang berakal (18). Apakah orang yang telah ditetapkan keputusan 'azab di atasnya (lalu dimasukkan ke dalam Neraka) dapatkah engkau menyelamatkan mereka yang berada di dalam Neraka? (19) Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan mendapat istana-istana tinggi yang dibinakan bertingkat-tingkat dan di bawahnya mengalir sungai-sungai. Itulah janji Allah dan Allah tidak sekali-kali menyalahi janji."(20)

Seluruh bahagian ini dipayungi suasana Akhirat dan bayangan takut, kepada 'azabnya dan suasana mengharapkan pahalanya. Ia mulakan dengan mengarah Rasulullah s.a.w. supaya mengumumkan 'aqidah tauhid yang tulen dan menyatakan ketakutan dirinya sendiri - sedangkan beliau seorang rasul - dari akibat penyelewengan dari 'aqidah itu, juga menyatakan keazamannya untuk terus berpegang teguh dengan agamanya dan meninggalkan mereka berpegang dengan agama mereka dan seterusnya menyatakan akibat dari pegangan dengan agama-agama itu pada hari hisab.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 20)

Pengumuman 'Aqidah Tauhid

قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ مُخْلِصًا لَّهُ الدِّينَ ﴿١١﴾

وَأُمِرْتُ لِأَنْ أَكُونَ أَوَّلَ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٢﴾

قُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (11). Dan aku telah diperintahkan supaya menjadi orang pertama dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)(12). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku."(13)

Nabi s.a.w. menyatakan bahawa beliau disuruh menyembah Allah Yang Tunggal dan mentuluskan keta'atan kepada-Nya sahaja dan supaya beliau menjadi Muslim pertama yang berpegang dengan ajaran itu, juga menyatakan bahawa beliau takut kepada 'azab hari Qiamat yang amat dahsyat jika beliau menderhaka Tuhannya. Pengumuman ini mempunyai nilai yang amat besar dalam pembersihan 'aqidah tauhid yang dibawa oleh Islam. Di maqam ini Nabi s.a.w. hanya seorang hamba Allah sahaja yang tidak menjangkau lebih dari maqam itu. Dan di maqam ibadat seluruh hamba adalah berdiri sama sejajar dalam satu barisan, hanya zat Allah S.W.T. sahaja yang tinggi dan mengatasi sekalian hamba-Nya.

Dengan pengumuman itu beliau telah menjelaskan konsep Uluhiyah (ketuhanan) dan konsep 'Ubudiyah (kehambaan). Kedua-duanya berbeza dan tidak bercampuraduk dan tidak keliru mengeliru. Sifat Wahdaniyah itu hanya dimiliki oleh Allah S.W.T. sahaja tanpa sekutu dan tanpa tandingan. Dan apabila Muhammad Rasulullah s.a.w. berdiri di maqam 'Ubudiyah untuk Allah semata-mata, maka beliau pun membuat pengumuman ini dan menyatakan ketakutannya dari menderhakakan Allah. Di sana tidak ada ruang untuk mendakwa mendapat syafa'at dari berhala-berhala atau malaikat-malaikat dengan menyembah mereka selain dari Allah atau di samping menyembah Allah.

Kemudian sekali lagi diulangkan pengumuman ini dengan menyatakan keazaman untuk berpegang teguh dengan kepercayaannya dan meninggalkan kaum Musyrikin dengan kepercayaan mereka menghadapi akibat yang amat pedih:

قُلِ ٱللَّهَ أَعْبُدُ مُخْلِصًا لَّهُۥ دِينِى ﴿١٤﴾

فَٱعْبُدُوا۟ مَا شِئْتُم مِّن دُونِهِۦ ۗ قُلْ إِنَّ ٱلْخَـٰسِرِينَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَأَهْلِيهِمْ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۗ أَلَا ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْخُسْرَانُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٥﴾

"Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang aku sembah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya dalam agamaku (14). Sembahlah apa sahaja yang kamu kehendaki selain dari Allah. Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang rugi itu ialah orang-orang yang kerugian diri mereka sendiri dan keluarga mereka pada hari Qiamat. Ingatlah! Itulah kerugian yang amat jelas."(15)

Sekali lagi beliau menyatakan: Aku akan terus menurut jalan agamamu dan aku tentukan ibadat itu hanya untuk Allah sahaja dan aku mentuluskan seluruh keta'atan itu kepada-Nya sahaja. Adapun kamu, maka kamu adalah bebas memilih jalan yang kamu kehendaki. Sembahlah siapa sahaja yang kamu suka selain dari Allah, tetapi akibatnya ialah kerugian yang tiada tolok bandingnya iaitu kerugian diri sendiri yang akan berakhir ke Neraka dan kerugian keluarga sama ada mereka beriman atau tidak beriman, kerana andainya keluarga itu beriman, mereka akan kehilangan mereka kerana mereka menuju ke satu jalan dan keluarga mereka menuju ke satu jalan yang lain. Dan andainya keluarga itu tidak beriman seperti mereka, maka seluruh mereka mengalami kerugian diri sendiri memasuki Neraka:

"Ingatlah! Itulah kerugian yang amat jelas."(15)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan kerugian yang amat jelas itu:

لَهُم مِّن فَوْقِهِمْ ظُلَلٌ مِّنَ ٱلنَّارِ وَمِن تَحْتِهِمْ ظُلَلٌ ۚ ذَٰلِكَ يُخَوِّفُ ٱللَّهُ بِهِۦ عِبَادَهُۥ ۚ يَـٰعِبَادِ فَٱتَّقُونِ ﴿١٦﴾

"Untuk mereka (disediakan) lapisan-lapisan dari api Neraka di atas mereka dan di bawah mereka juga (disediakan) lapisan-lapisan api yang sama (dari api Neraka). Demikianlah 'azab yang diancamkan Allah kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu wahai hamba-hamba-Ku! Bertaqwalah kepada-Ku."(16)

Ini adalah satu pemandangan yang sungguh mengerikan, iaitu pemandangan api yang berlapis-lapisan di atas kepala dan di bawah kaki. Mereka diselubungi lapisan-lapisan api Neraka.

Pemandangan-pemandangan ini ditunjukkan kepada mereka ketika mereka masih berada di atas muka bumi dan mampu menjauhkan dirinya dari jalan 'azab itu dan menakutkan mereka dengan akibatnya yang buruk supaya mereka menjauhinya:

ذَٰلِكَ يُخَوِّفُ ٱللَّهُ بِهِۦ عِبَادَهُۥ ۚ

"Demikianlah 'azab yang diancamkan Allah kepada hamba-hamba-Nya."(16)

Kemudian ia menyeru mereka supaya berhati-hati dan menjaga diri supaya mereka selamat:

يَـٰعِبَادِ فَٱتَّقُونِ ﴿١٦﴾

"Oleh itu wahai hamba-hamba-Ku! Bertaqwalah kepada-Ku."(16)

Sementara di tebing sebelah lagi kelihatan pula kumpulan orang-orang yang terselamat.

Kumpulan Yang Terselamat

وَٱلَّذِينَ ٱجْتَنَبُوا۟ ٱلطَّـٰغُوتَ أَن يَعْبُدُوهَا وَأَنَابُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ لَهُمُ ٱلْبُشْرَىٰ ۚ فَبَشِّرْ عِبَادِ ﴿١٧﴾

ٱلَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُۥٓ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَىٰهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمْ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿١٨﴾

"Dan orang-orang yang menjauhi Taghut iaitu dari menyembahkannya dan kembali kepada Allah, maka untuk mereka berita yang amat mengembirakan. Oleh itu sampaikanlah berita gembira itu kepada hamba-hamba-Ku ....(17) Yang mendengar perkataan-perkataan dan mengikut mana-mana perkataan yang paling baik darinya. Merekalah orang-orang yang diberikan hidayat oleh Allah dan merekalah orang-orang yang berakal."(18)

Kata-kata "طاغوت" diambil dari akar kata "الطغيان". Bunyinya sama dengan " عظموت " dan "رحموت" yang memberi makna "amat". Yang dimaksudkan dengan Taghut ialah setiap perbuatan yang melampaui batas. Dan yang dimaksudkan dengan orang-orang yang menjauhi perbuatan menyembah Taghut ialah orang-orang yang menjauhi perbuatan menyembah yang lain dari Allah dalam apa bentuk ibadat sekalipun. Merekalah orang-orang yang benar-benar kembali kepada Allah dan berdiri di maqam 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Merekalah orang-orang yang memperolehi berita gembira yang disampaikan kepada mereka dari al-Mala'ul-A'la dan Rasulullah s.a.w. menyampaikan berita itu kepada mereka dengan perintah Allah:

"Sampaikanlah berita gembira itu kepada hamba-hamba-Ku......"(17)

Penyampaian berita Ilahi Yang Maha Tinggi oleh Rasulullah itu sahaja merupakan satu ni'mat.

Di antara sifat-sifat orang-orang ini ialah mereka mendengar apa sahaja yang dapat didengar mereka

kemudian mereka memilih mana yang paling baik dan menolak mana yang tidak baik. Mereka tidak menyimpan di dalam hati melainkan perkataan-perkataan yang baik yang boleh membersihkannya. Jiwa yang jujur sentiasa terbuka kepada perkataan-perkataan yang baik dan menerimanya, sedangkan jiwa yang jahat hanya terbuka dan menerima perkataan-perkataan yang jahat sahaja.

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ ۖ

"Merekalah orang-orang yang diberi hidayat oleh Allah..."(18)

Maksudnya, Allah mengetahui adanya kesediaan kebaikan di dalam jiwa mereka lalu Allah memberi hidayat kepada mereka ke arah mendengar dan menerima perkataan-perkataan yang baik. Dan hidayat yang sebenar ialah hidayat Allah.

وَأُولَٰئِكَ هُمْ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٨﴾

"...Dan merekalah orang-orang yang berakal."(18)

Akal yang sejahtera dan sihat itulah yang membawa orang-orang yang memilikinya kepada kebersihan dan keselamatan dan barang siapa yang tidak mengikut jalan kebersihan dan keselamatan, maka mereka adalah seolah-olah tidak berakal dan seolah-olah tidak mendapat ni'mat akal yang dikurniakan Allah kepadanya.

Sebelum Al-Qur'an menayangkan pemandangan mereka yang hidup dengan penuh ni'mat di Akhirat, ia menjelaskan bahawa penyembah-penyembah Taghut itu telah pun benar-benar sampai ke dalam Neraka dan tiada siapa pun yang dapat menyelamatkan mereka:

أَفَمَنْ حَقَّ عَلَيْهِ كَلِمَةُ الْعَذَابِ أَفَأَنتَ تُنقِذُ مَن فِي النَّارِ ﴿١٩﴾

"Apakah orang yang telah ditetapkan keputusan 'azab di atasnya (lalu dimasukkan ke dalam Neraka) dapatkah engkau menyelamatkan mereka yang berada di dalam Neraka?"(19)

Ayat ini dituju kepada Rasulullah s.a.w. Dan andainya beliau sendiri tidak berkuasa menyelamatkan orang-orang yang berada di dalam Neraka, maka siapakah lagi yang dapat menyelamatkan mereka?

Setelah itu ia menayangkan pula pemandangan orang-orang yang bertaqwa kepada Allah dan takut kepada balasan 'azab yang diancamkan Allah:

لَٰكِنِ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ غُرَفٌ مِّن فَوْقِهَا غُرَفٌ مَّبْنِيَّةٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ وَعْدَ اللَّهِ ۖ لَا يُخْلِفُ اللَّهُ الْمِيعَادَ ﴿٢٠﴾

"Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan mendapat istana-istana tinggi yang dibinakan bertingkat-tingkat dan di bawahnya mengalir sungai-sungai. Itulah janji Allah dan Allah tidak sekali-kali menyalahi janji."(20)

Pemandangan istana-istana tinggi yang dibina, bertingkat-tingkat dan di bawahnya mengalir sungai-sungai itu adalah selaras dengan pemandangan lapisan-lapisan api Neraka yang melingkungi mereka dari atas dan bawah. Itulah janji Allah dan janji Allah itu tetap berlaku dan Allah tidak menyalahi janji.

Angkatan Muslimin yang pertama kali menerima Al-Qur'an ini benar-benar telah menghayati pemandangan-pemandangan itu dalam realiti. Pemandangan-pemandangan itu dalam hati mereka bukan lagi berupa janji dan ancaman yang diterima mereka dari masa depan yang amat jauh, malah ia benar-benar wujud dan disaksikan hati mereka, ditanggap dan dilihat mata mereka. Pemandangan-pemandangan itu telah membuat mereka terharu, menggeletar dan menyambut baik. Justeru itu hati mereka mengalami perubahan seperti itu dan hidup mereka di dunia diselaraskan dengan realiti hidup alam Akhirat yang dihayati mereka, walaupun mereka masih berada di dunia ini. Demikianlah cara yang wajar bagi seseorang Muslim menyambut janji Allah.

(Kumpulan ayat-ayat 21 - 29)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنَابِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُّخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَامًا ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٢١﴾

أَفَمَن شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَىٰ نُورٍ مِّن رَّبِّهِ ۚ فَوَيْلٌ لِّلْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُم مِّن ذِكْرِ اللَّهِ ۚ أُولَٰئِكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٢﴾

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُّتَشَابِهًا مَّثَانِيَ تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُدَى اللَّهِ يَهْدِي بِهِ مَن يَشَاءُ ۚ وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿٢٣﴾

أَفَمَن يَتَّقِي بِوَجْهِهِۦ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ وَقِيلَ لِلظَّٰلِمِينَ ذُوقُوا۟ مَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٢٤﴾

كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَأَتَىٰهُمُ ٱلْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٥﴾

فَأَذَاقَهُمُ ٱللَّهُ ٱلْخِزْىَ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ مِن كُلِّ مَثَلٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٧﴾

قُرْءَانًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِى عِوَجٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٢٨﴾

ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا رَّجُلًا فِيهِ شُرَكَآءُ مُتَشَٰكِسُونَ وَرَجُلًا سَلَمًا لِّرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٩﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit dan mengalirkannya menjadi matair-matair di bumi, kemudian Dia mengeluarkan dengannya tumbuh-tumbuhan dari berbagai-bagai warnanya, kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering dan engkau dapat melihatnya kekuningan, kemudian Allah jadikannya reput dan hancur. Sesungguhnya kejadian itu menjadi pengajaran kepada orang-orang yang berakal (21). Apakah orang-orang yang dilapangkan Allah dadanya menerima Islam lalu ia tegak di atas nur (hidayat) dari Tuhannya (sama dengan orang yang tidak dilapangkan dadanya)? Oleh itu celakalah bagi orang-orang yang berhati keras dari mengingati Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata (22). Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang serupa (mutu ayat-ayatnya) dan berulang-ulang, gementarlah kerananya kulit orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka, kemudian kulit-kulit dan hati mereka menjadi lembut dan tenteram mengingati Allah. Itulah hidayat Allah yang dikurniakan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya (23). Apakah orang yang mempertahankan diri dengan mukanya dari (selaran) 'azab yang dahsyat pada hari Qiamat (itu sama dengan orang yang terselamat dari 'azab)? Dan lalu dikatakan kepada orang-orang yang zalim: Rasakanlah hasil pencapaian (hidup dunia) yang telah diusahakan kamu (24). Orang-orang yang sebelum mereka telah pun mendustakan (rasul-rasul), lalu mereka ditimpakan 'azab dari arah yang tidak disangkakan mereka (25). Maka Allah merasakan mereka 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih besar lagi, jika mereka mengetahui (26). Dan sesungguhnya Kami telah membuat berbagai-bagai perbandingan kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini supaya mereka dapat mengambil pengajaran (27). Iaitu Al-Qur'an (diturunkan) dalam bahasa Arab yang lurus tidak bengkok supaya mereka bertaqwa (28). Allah telah membuat satu perbandingan iaitu seorang hamba yang dimiliki beberapa kongsi yang selalu bergaduh dan seorang hamba yang hanya seorang (tuamnas) sahaja. Apakah kedua-dua hamba itu sama keadaan dan sifatnya?"(29)

Di dalam bahagian ini terdapat satu tarikan perhatian kepada hayat tumbuhan di bumi selepas turunnya hujan dari langit, dan bagaimana hayat tumbuh-tumbuhan itu berakhir dengan ajalnya yang dekat (cepat). Al-Qur'an seringkali menggunakan hayat tumbuhan itu sebagai contoh perbandingan bagi kehidupan dunia dari segi hakikatnya yang fana dan menyarankan kepada orang-orang yang berakal supaya mengambil pengajaran dari perbandingan itu. Dan selepas menyebut kisah turunnya air hujan dari langit, ia menyebut pula kisah Al-Qur'an yang diturunkan dari langit untuk menghidupkan hati dan melapangkan dada manusia. Kemudian diiringi pula dengan sebuah gambaran yang menunjukkan bagaimana hati yang terbuka itu menyambut Al-Qur'an itu dengan perasaan takut dan gementar. Kemudian diiringi oleh perasaan lembut dan tenang tenteram. Kemudian disusuli dengan keterangan yang menggambarkan akibat-akibat yang diterima oleh orang-orang yang mengingati Allah dan orang-orang yang berhati degil yang tidak mahu mengingati Allah. Dan pada akhirnya ia memperkatakan hakikat tauhid dengan membawa satu perbandingan yang menggambarkan orang yang menyembah Tuhan Yang Tunggal dengan orang yang menyembah tuhan-tuhan yang berbilang. Keadaan dan sifat keduanya tentulah tidak sama sebagaimana tidak samanya keadaan seorang hamba yang dimiliki oleh beberapa tuanmas yang selalu bergaduh dengan seorang hamba yang dimiliki seorang tuanmas sahaja tanpa orang yang lain yang merebutnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 21)

Kisah Turunnya Hujan Dari Langit

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَلَكَهُۥ يَنَٰبِيعَ فِى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِۦ زَرْعًا مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهُۥ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَىٰهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ حُطَٰمًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٢١﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit dan mengalirkannya menjadi matair-matair di bumi, kemudian Dia mengeluarkan dengannya tumbuh-tumbuhan dari berbagai-bagai warnanya, kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering dan engkau dapat melihatnya kekuningan, kemudian Allah jadikannya reput dan hancur. Sesungguhnya kejadian itu menjadi pengajaran kepada orang-orang yang berakal."(21)

Fenomena turunnya air hujan yang disebut oleh Al-Qur'an untuk menarik perhatian manusia supaya diperhati, diteliti dan diambil pengajaran itu merupakan satu fenomena yang terlalu kerap berlaku di merata pelosok bumi hingga kebaharuan dan segala keanehan dan keajaibannya hilang begitu sahaja kerana terlalu biasa. Al-Qur'an menyarankan kepada manusia supaya meneliti tangan qudrat Allah dan mempelajari kesannya dalam setiap peringkat perkembangan hayat.

Apakah dan bagaimanakah kisah turunnya air dari langit? Kita hanya memandang kejadian luar biasa ini sepintas lalu sahaja kerana terlalu biasa dan terlalu kerap berlaku, sedangkan kejadian air itu sendiri merupakan satu kejadian mu'jizat. Walaupun kita mengetahui bahawa air itu terjadi dari percantuman zarah hidrogen dengan zarah oksigen dalam keadaan-keadaan yang tertentu, namun sepatutnya pengetahuan ini menggerakkan hati kita supaya memperhatikan tangan qudrat Allah yang telah menciptakan alam buana ini, di mana terdapat hidrogen dan oksigen, juga terdapatnya keadaan-keadaan yang membolehkan kedua-dua zarah itu bercantum, dan dengan terjadinya air dari percantuman ini, maka lahirlah pula kejadian-kejadian yang hidup di bumi ini. Andainya tidak kerana air tentulah tidak ada satu pun kejadian-kejadian Yang hidup. Hayat merupakan satu rangkaian dari tadbir Allah hingga sampai kepada wujudnya air dan wujudnya hayat. Semuanya itu adalah hasil dari ciptaan tangan qudrat Allah. Kemudian kisah turunnya air hujan setelah air itu wujud merupakan satu kejadian mu'jizat yang baru pula. Ia berlaku kerana bumi dan alam buana ini berjalan mengikut peraturan yang ada ini yang membolehkan terjadinya air hujan itu dan turun ke bumi, kemudian tiba pula langkah kedua selepas diturunkan air mengikut tadbir Allah:

فَسَلَكَهُۥ يَنَٰبِيعَ فِي ٱلۡأَرۡضِ

"Dan mengalirkannya menjadi matair-matair di bumi."(21)

Sama ada berupa sungai-sungai yang mengalir di permukaan bumi atau sungai yang mengalir di bawah tanah yang meresap dari air-air di permukaan bumi kemudian memancur keluar menjadi matair-matair atau perigi-perigi. Tangan qudrat Allahlah yang menahankan air-air itu dari meresap terlalu jauh ke dalam bumi hingga tidak dapat kembali lagi.

ثُمَّ يُخۡرِجُ بِهِۦ زَرۡعٗا مُّخۡتَلِفًا أَلۡوَٰنُهُۥ

"Kemudian Dia mengeluarkan dengannya tumbuh-tumbuhan dari berbagai-bagai warnanya."(21)

Kisah Tumbuh-tumbuhan Yang Berwarna-warni

Hayat tumbuhan yang berlaku selepas turunnya air itu merupakan satu kejadian mu'jizat yang membuat seluruh daya tenaga manusia berdiri lemah di hadapannya. Pemandangan benih tumbuhan yang kecil yang memecahkan dinding-dinding bumi dan menghapuskan timbunan-timbunan tanah di atasnya untuk mendapatkan udara, cahaya dan kebebasan, kemudian subur perlahan-lahan menjulang ke udara sudah cukup untuk memenuhkan hati yang mu'min dengan pengajaran dan untuk membangkitkan ingatannya kepada Allah Pencipta yang menjadikan segala makhluk-Nya dan memberi kepada setiap makhluk-Nya kejadian yang sesuai dengannya, kemudian memberi pedoman hidup kepadanya. Pemandangan tumbuh-tumbuhan yang beraneka warna pada satu kawasan bumi, malah pada satu jenis tumbuhan sahaja atau pada satu jenis bunga sahaja merupakan satu pameran yang menunjukkan qudrat penciptaan Allah yang amat kreatif, dan membuat manusia sedar bahawa mereka sama sekali lemah untuk menciptakan sesuatu darinya.

Kemudian tanaman yang subur, lembut dan segar itu sampai ke puncak kesempurnaannya dan tiba pada batas ajalnya:

ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَىٰهُ مُصۡفَرّٗا

"Kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering dan engkau dapat melihatnya kekuningan."(21)

Tanaman itu telah sampai ke, matlamat yang telah ditentukan untuknya dalam undang-undang kewujudan, dalam peraturan alam buana dan dalam tahap-tahap perkembangan hayat. Ia sudah matang untuk dituai:

ثُمَّ يَجۡعَلُهُۥ حُطَٰمًاۚ

"Kemudian Allah jadikannya reput dan hancur."(21)

Ia telah menghabiskan tempoh ajalnya dan telah menyempurnakan peranannya yang telah ditentukan Allah yang mengurniakan hayat.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكۡرَىٰ لِأُوْلِي ٱلۡأَلۡبَٰبِ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya kejadian itu menjadi pengajaran kepada orang-orang yang berakal"(21)

yang memikirkannya dan mengambil pengajaran darinya. Mereka mengambil faedah dari akal dan daya kefahaman yang dikurniakan Allah kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 23)

Perbezaan Antara Hati Yang Terbuka Dan Hati Yang Tertutup

أَفَمَن شَرَحَ ٱللَّهُ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَٰمِ فَهُوَ عَلَىٰ نُورٖ مِّن رَّبِّهِۦۚ فَوَيۡلٞ لِّلۡقَٰسِيَةِ قُلُوبُهُم مِّن ذِكۡرِ ٱللَّهِۚ أُوْلَٰٓئِكَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ﴿٢٢﴾

ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحۡسَنَ ٱلۡحَدِيثِ كِتَٰبٗا مُّتَشَٰبِهٗا مَّثَانِيَ تَقۡشَعِرُّ مِنۡهُ جُلُودُ ٱلَّذِينَ يَخۡشَوۡنَ رَبَّهُمۡ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمۡ وَقُلُوبُهُمۡ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِۚ ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهۡدِي بِهِۦ مَن يَشَآءُۚ وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٍ ﴿٢٣﴾

"Apakah orang-orang yang dilapangkan Allah dadanya menerima Islam lalu ia tegak di atas nur (hidayat) dari Tuhannya (sama dengan orang yang tidak dilapangkan dadanya)? Oleh itu celakalah bagi orang-orang yang berhati keras dari mengingati Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata (22). Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang serupa (mlö] ayat-ayatnya) dan berulang-ulang, gementarlah kerananya kulit orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka, kemudian kulit-kulit dan hati mereka menjadi lembut dan tenteram mengingati Allah. Itulah hidayat Allah yang dikurniakan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(23)

Allah menurunkan air hujan dari langit untuk menumbuhkan berbagai-bagai jenis tanaman bagi kegunaan manusia, begitu juga Dia menurunkan Al-Qur'an dari langit lalu disambut oleh hati-hati yang hidup dan menjadikannya terbuka, lapang dan bergerak cergas, ia juga disambut oleh hati-hati yang degil laksana batu yang keras yang tidak mempunyai hayat dan kesegaran.

Allah melapangkan mana-mana hati yang diketahuinya mempunyai kesediaan yang baik untuk menerima Islam, dan Allah hubungkan hati-hati itu dengan nur-Nya yang menjadikannya terang dan cemerlang. Perbezaan di antara hati-hati ini dengan hati-hati lain yang keras itu adalah terlalu jauh.

فَوَيۡلٞ لِّلۡقَٰسِيَةِ قُلُوبُهُم مِّن ذِكۡرِ ٱللَّهِۚ

"Celakalah bagi orang-orang yang berhati keras dari mengingati Allah."(22)

أُوْلَٰٓئِكَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ﴿٢٢﴾

"Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata."(22)

Ayat-ayat Yang Bermutu Sama Dan Berulang-ulang

Ayat ini menggambarkan hakikat hati yang menerima Islam dengan perasaan yang gembira dan lapang serta menggambarkan keadaan hubungannya dengan Allah yang memberi keriangan, kelapangan, kemanisan dan kegemilangan, di samping menggambarkan hakikat hati-hati yang degil, keras, kasar, mati, tandus dan gelap-gelita. Siapa yang dilapangkan hatinya oleh Allah untuk menerima Islam dan dibekalkan dengan nur hidayat-Nya, maka hatinya bukanlah seperti sekeping hati manusia yang keras. Perbezaan di antara dua golongan ini amat jauh.

Ayat yang kedua pula menggambarkan bagaimana cara orang-orang Mu'min, menyambut Al-Qur'an itu, iaitu sebuah kitab yang serasi dan selaras segala isi kandungannya. Tiada terdapat sebarang percanggahan di dalam tabi'atnya, arah-arah tujuannya, spiritnya dan ciri-cirinya. Mutu isi kandungannya serupa dan berulang-ulang, iaitu bahagian ayat-ayatnya, kisah-kisahnya, bimbingan-bimbingannya dan pemandangan-pemandangannya adalah diulang berkali-kali, tetapi tidak pernah bercanggah satu sama lain. Ia diulang-ulangkan di berbagai-bagai tempat mengikut hikmat yang memerlukan kepada ulangan itu. Ia diulang-ulangkan dengan penuh keserasian dan kemantapan berdasarkan lunas-lunas yang kukuh dan serupa tanpa sebarang pertentangan.

Orang-orang yang takut dan bertaqwa kepada Alldh menerima Al-Qur'an ini dengan hati yang takut dan gementar, dengan perasaan yang terharu yang menggerunyutkan kulit-kulit badan mereka, kemudian jiwa mereka kembali tenteram dan mesra terhadap Al-Qur'an dan mengingati Allah.

Ia merupakan satu gambaran yang begitu hidup dan bermaya yang dilukiskan oleh kalimat-kalimat ayat itu.

ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهۡدِي بِهِۦ مَن يَشَآءُۚ

"Itulah hidayat Allah yang dikurniakan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(23)

Hati itu tidak menggeletar dan terharu melainkan ketika digerakkan Allah Yang Maha Penyayang ke arah hidayat, ke arah menerima da'wah-Nya dan ke arah pencerahan jiwa. Allah mengetahui hakikat hati-hati manusia sama ada sesuai dibalaskan dengan hidayat atau dengan kesesatan:

وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٍ ﴿٢٣﴾

"Barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(23)

Allah menyesatkan seseorang kerana Dia mengetahui hakikat hatinya yang bertunjang di dalam kesesatan dan tidak dapat menerima hidayat atau cenderung kepadanya.

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 26)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan balasan yang menunggu orang-orang yang sesat pada hari Qiamat:

أَفَمَن يَتَّقِي بِوَجۡهِهِۦ سُوٓءَ ٱلۡعَذَابِ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۚ وَقِيلَ لِلظَّٰلِمِينَ ذُوقُواْ مَا كُنتُمۡ تَكۡسِبُونَ ﴿٢٤﴾

"Apakah orang yang mempertahankan diri dengan mukanya dari (selaran) 'azab yang dahsyat pada hari Qiamat (itu sama dengan orang yang terselamat dari 'azab)? Dan lalu dikatakan kepada orang-orang yang zalim: Rasakanlah hasil pencapaian (hidup dunia) yang telah diusahakan kamu."(24)

Biasanya seseorang itu melindungi keselamatan mukanya dengan dua tangan dan tubuhnya, tetapi di sini dia tidak berdaya mempertahankan dirinya dari selaran Neraka dengan dua tangan dan kakinya lalu ia menolak selaran api itu dengan mukanya. Ini membayangkan betapa dahsyat dan kelam-kabutnya keadaan yang dihadapinya. Dan dalam keadaan kelam-kabut menerima 'azab itu dia menerima kecaman pula dan diserahkan kepadanya hasil pencapaian dari usaha-usaha seluruh hidupnya di dunia ini, dan alangkah buruknya hasil pencapaian itu!

وَقِيلَ لِلظَّالِمِينَ ذُوقُوا مَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٢٤﴾

"Lalu dikatakan kepada orang-orang yang zalim: Rasakanlah hasil pencapaian (hidup dunia) yang telah diusahakan kamu."(24)

Kemudian dari pemandangan ini, Al-Qur'an beralih pula kepada membicarakan tentang para pendusta yang menentang Muhammad s.a.w. untuk menayangkan kepada mereka akibat buruk yang telah menimpa pendusta-pendusta sebelum mereka supaya mereka sempat berusaha menyelamatkan diri mereka:

كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَأَتَاهُمُ الْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٥﴾

فَأَذَاقَهُمُ اللَّهُ الْخِزْيَ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

"Orang-orang yang sebelum mereka telah pun mendustakan (rasul-rasul), lalu mereka ditimpakan 'azab dari arah yang tidak disangkakan mereka (25). Maka Allah merasakan mereka 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih besar lagi, jika mereka mengetahui."(26)

Inilah nasib kesudahan pendusta-pendusta di dunia dan di Akhirat. Di dunia mereka ditimpa 'azab kehinaan dan di Akhirat mereka ditunggu 'azab yang amat dahsyat. Undang-undang Allah tetap berjalan tanpa mungkir, dan sebagai bukti dan saksi ialah kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa umat-umat di zaman sebelum mereka. Janji 'azab dari Allah untuk mereka pada hari Akhirat tetap akan dikotakan. Namun demikian, peluang masih terbuka di hadapan mereka. Dan Al-Qur'an ini adalah berguna kepada orang yang ingin mengambil pengajaran dan peringatan:

لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

"Jika mereka mengetahui."(26)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 29)

Tauhid Dan Syirik Dibandingkan Dengan Dua Orang Abdi

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَٰذَا الْقُرْآنِ مِن كُلِّ مَثَلٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٧﴾

قُرْآنًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٢٨﴾

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَّجُلًا فِيهِ شُرَكَاءُ مُتَشَاكِسُونَ وَرَجُلًا سَلَمًا لِّرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ

"Dan sesungguhnya Kami telah membuat berbagai-bagai perbandingan kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini supaya mereka dapat mengambil pengajaran (27). Iaitu Al-Qur'an (diturunkan) dalam bahasa Arab yang lurus tidak bengkok supaya mereka bertaqwa (28). Allah telah membuat satu perbandingan iaitu seorang hamba yang dimiliki beberapa kongsi yang selalu bergaduh dan seorang hamba yang hanya dimiliki seorang (tuanmas) sahaja. Apakah kedua-dua hamba itu sama keadaan dan sifatnya?"(29)

Allah membuat perbandingan bagi seorang hamba yang menyembah Allah Yang Tunggal dan seorang hamba yang menyembah tuhan-tuhan yang berbilang dengan seorang hamba yang dimiliki beberapa tuanmas yang bertengkar satu sama lain kerananya menyebabkan ta'at setianya berbelah bahagi di antara mereka, kerana setiap tuanmas itu masing-masing memberi arahan dan perintah kepadanya. Dia menjadi serba salah untuk melayani mereka. Dia tidak dapat melaksanakan tugasnya mengikut satu cara yang tetap dan dia tidak mampu untuk memuaskan kehendak semua tuanmas-tuanmas yang bercanggah satu sama lain itu hingga menyebabkan tenaga dan arah haluannya berkecai dan tidak menentu, dan dengan seorang hamba yang dimiliki seorang tuanmas sahaja, di mana ia mengetahui apa yang diminta dan ditugaskan tuanmas itu. Hamba ini sudah tentu merasa senang dan mantap kerana ia dapat mengikut satu jalan yang terang.

هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ

"Apakah kedua-dua hamba itu sama keadaan dan sifatnya?"(29)

Tentulah kedua-duanya tidak sama kerana hamba yang tunduk kepada satu tuanmas itu dapat merasakan keni'matan bekerja dengan lurus, tahu dan yakin dengan apa yang dibuat dan dikerjakannya. Tenaganya tidak berkecai. Haluannya satu dan jalan yang ditujunya jelas dan terang, sedangkan hamba yang tunduk kepada beberapa tuanmas yang bercakaran satu sama lain itu hidup tersiksa dan terumbang-ambing, tidak tetap di atas satu keadaan dan tidak dapat memuaskan kehendak seseorang

tuanmas, apatah lagi untuk memuaskan kehendak semua tuanmas itu.

Perbandingan ini menggambarkan hakikat tauhid dan hakikat syirik dalam semua keadaan. Hati seorang yang beriman dengan hakikat tauhid itulah hati yang dapat melaksanakan perjalanannya di dunia ini menurut jalan yang betul kerana matanya sentiasa berpandukan sebiji bintang di kaki langit dan dengan pedoman inilah dia tidak kesesatan jalan, dan kerana dia tahu bahawa di sana hanya satu sumber sahaja yang memberi hayat, kekuatan dan rezeki, di sana hanya satu sumber sahaja yang memberi manfa'at dan mudarat dan hanya satu sumber sahaja yang membenar dan melarang. Oleh sebab itu langkah-langkahnya lurus menuju kepada sumber yang tunggal itu dan kedua tangannya tetap berpegang dengan seutas tali yang tunggal. Ia menuju dengan tenang ke arah matlamat yang tunggal itu dan tidak pernah menyeleweng darinya. Dia berkhidmat kepada tuanmasnya yang tunggal dan dia benar-benar tahu apakah yang disukai dan tidak disukai tuanmasnya. Justeru itu tenaganya tidak berpecah dan setiap tenaganya menghasilkan pengeluaran. Kakinya berdiri teguh di bumi dan matanya memandang ke langit menyintai Tuhan Yang Tunggal.

Perbandingan yang jelas dan menarik itu diiringi dengan pernyataan memuji Allah yang telah memilih dan mengurniakan kerehatan, kedamaian, ketenteraman, kelurusan dan kemantapan kepada para hamba-Nya, namun demikian mereka menyeleweng juga dan kebanyakan mereka tidak mengetahui.

Ini adalah satu perbandingan dari perbandingan-perbandingan yang dikemukakan oleh Al-Qur'an kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran. Dan Al-Qur'an itu pula diturunkan dalam bahasa Arab yang lurus, terang, tiada sebarang kesamaran, tidak berbelit-belit dan tidak menyeleweng. Ia berbicara dengan fitrah manusia dengan logiknya yang senang difaham.

* * * * * *

- Ruang ini Sengaja Dibiarkan Kosong -

<u>Nota</u> :

Juzu' Kedua Puluh Tiga tamat

pada Ayat 31 Surah Ini

JUZU' KE-24
SURAH
AZ-ZUMAR

(Kumpulan ayat-ayat 30 - 35)

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُم مَّيِّتُونَ ﴿٣٠﴾

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عِندَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ ﴿٣١﴾

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَذَبَ عَلَى اللَّهِ وَكَذَّبَ بِالصِّدْقِ إِذْ جَاءَهُ ۚ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْكَافِرِينَ ﴿٣٢﴾

وَالَّذِي جَاءَ بِالصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿٣٣﴾

لَهُم مَّا يَشَاءُونَ عِندَ رَبِّهِمْ ۚ ذَٰلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٤﴾

لِيُكَفِّرَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَسْوَأَ الَّذِي عَمِلُوا وَيَجْزِيَهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ الَّذِي كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٣٥﴾

"Sesungguhnya engkau akan mati dan mereka juga akan mati (30). Kemudian sesungguhnya pada hari Qiamat kelak kamu akan bertengkar di hadapan Tuhan kamu (31). [1]Siapakah yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan mendustakan ajaran yang benar ketika datang kepada mereka? Bukankah di dalam Neraka itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir? (32) Dan orang yang membawa ajaran yang benar (Rasulullah) dan orang yang membenarkannya. Merekalah golongan para Muttaqin (33). Mereka akan memperolehi apa sahaja yang dikehendaki mereka di sisi Tuhan mereka. Itulah balasan yang disediakan bagi para Muhsinin (34). Kerana Allah hendak menghapuskan dari mereka dosa-dosa perbuatan mereka yang paling buruk yang dilakukan mereka dan hendak membalas mereka dengan upah yang lebih baik dari amalan yang dilakukan mereka."(35)

Bahagian ini merupakan kesimpulan dari pembicaraan ayat-ayat yang telah lalu, iaitu setelah dibentangkan ayat mengenai kisah air hujan yang turun dari langit dan kisah tumbuhan yang dihidupkan air, juga kisah Al-Qur'an yang diturunkan dari Allah di samping mengemukakan perbandingan Al-Qur'an dan membuat pernyataan:

"Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(49)

[1] *Juzu' kedua puluh empat bermula dari ayat (32) Surah ini.*

Ia iringi pula dengan kesimpulan bahawa urusan Nabi s.a.w. dan urusan mereka adalah semuanya terserah kepada Allah. Dialah yang akan mengadili di antara mereka selepas mati kelak, di mana pembohong-pembohong dan pendusta-pendusta Rasul akan dibalas dengan balasan yang setimpal, dan pembawa-pembawa ajaran yang benar dan orang-orang yang membenarkannya akan dibalas dengan balasan yang disediakan kepada para muhsinin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 35)

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُم مَّيِّتُونَ ﴿٣٠﴾

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عِندَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya engkau akan mati dan mereka juga akan mati (30). Kemudian sesungguhnya pada hari Qiamat kelak kamu akan bertengkar di hadapan Tuhan kamu."(31)

Maut merupakan penghabisan setiap yang bernyawa dan tiada yang kekal melainkan hanya Allah. Dalam menghadapi maut seluruh manusia adalah sama sahaja termasuk Nabi Muhammad s.a.w. sendiri. Hakikat maut disebutkan di sini sebagai satu rangkaian dari rangkaian kepercayaan tauhid yang dijelaskan oleh keseluruhan surah ini, kemudian diiringi pula dengan penjelasan mengenai apa yang akan berlaku selepas maut, kerana maut bukannya penghabisan perjalanan, malah ia hanya merupakan satu rangkaian dari perjalanan dan selepasnya disusuli pula dengan rangkaian-rangkaian yang lain. Pada hari Qiamat kelak manusia akan bertengkar sesama mereka dan kemudian Rasulullah s.a.w. tampil di hadapan Allah dan membawa kaum yang kafir itu berdiri untuk menerima hukuman terhadap perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan mereka yang menentang hidayat yang diturunkan Allah kepada mereka.

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَذَبَ عَلَى اللَّهِ وَكَذَّبَ بِالصِّدْقِ إِذْ جَاءَهُ ۚ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْكَافِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Siapakah yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan mendustakan ajaran yang benar ketika datang kepada mereka? Bukankah di dalam Neraka itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir?"(32)

Pertanyaan ini merupakan pertanyaan untuk memberi penjelasan, iaitu di sana tidak ada yang lebih zalim dari orang yang sanggup mengada-ngadakan perkara yang bohong terhadap Allah, iaitu mendakwa bahawa Allah mempunyai puteri-puteri dan sekutu-sekutu, juga mendusta ajaran yang benar yang dibawa Rasul-Nya dan tidak mempercayai 'aqidah tauhid. Itulah perbuatan kufur. Dan pada akhirnya ia

menyatakan bahawa di dalam Neraka Jahannam terdapat tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir.

وَالَّذِي جَاءَ بِالصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan orang yang membawa ajaran yang benar (Rasulullah) dan orang yang membenarkannya. Merekalah golongan para Muttaqin."(33)

Rasulullah s.a.w. telah membawa ajaran yang benar dari Allah dan membenarkannya serta menyampaikannya pula kepada manusia dengan penuh keyakinan. Turut sama dalam sifat ini ialah sekalian nabi-nabi yang diutuskan sebelum Rasulullah s.a.w. juga setiap penda'wah yang menyeru kepada ajaran yang benar ini dengan penuh keyakinan, di mana hati dan lidah mereka sebulat kata mengakui kebenarannya.

أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿٣٣﴾

"Merekalah golongan para Muttaqin."(33)

Kemudian Al-Qur'an menerangkan lebih luas mengenai orang-orang yang bertaqwa dan balasan-balasan yang disediakan untuk mereka:

لَهُمْ مَا يَشَاءُونَ عِنْدَ رَبِّهِمْ ۚ ذَٰلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٤﴾

"Mereka akan memperolehi apa sahaja yang dikehendaki mereka di sisi Tuhan mereka. Itulah balasan yang disediakan bagi para Muhsinin."(34)

Ini adalah satu pernyataan umum yang merangkumi segala apa sahaja keinginan yang terlintas di dalam hati orang yang beriman. Semuanya merupakan hak mereka yang tidak akan disia-siakan.

ذَٰلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٤﴾

"Itulah balasan yang disediakan bagi para Muhsinin."(34)

Balasan itu ialah untuk memenuhi kehendak Allah yang hendak mengurniakan rahmat kebajikan, penghormatan dan limpah kurnia yang melebihi balasan yang adil kepada mereka:

لِيُكَفِّرَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَسْوَأَ الَّذِي عَمِلُوا وَيَجْزِيَهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ الَّذِي كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٣٥﴾

"Kerana Allah hendak menghapuskan dari mereka dosa-dosa perbuatan mereka yang paling buruk yang dilakukan mereka dan hendak membalas mereka dengan upah yang lebih baik dari amalan yang dilakukan mereka."(35)

Menurut dasar keadilan, balasan itu diberi setelah dikirakan amalan-amalan yang baik dan amalan-amalan yang jahat, tetapi Allah membalas dengan kurnia yang melimpah-limpah kepada para hamba-Nya yang muttaqin iaitu Dia mengampunkan perbuatan-perbuatan mereka yang paling buruk tanpa dihisab dan membalas dengan balasan yang lebih baik dari amalan yang dilakukan mereka.

Itulah limpah kurnia Allah kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Itulah limpah kurnia yang dijanjikan Allah dan akan tetap dikotakannya, dan ia tetap menjadi realiti yang harus diyakini para Muttaqin dan para Muhsinin.

(Kumpulan ayat-ayat 36 - 52)

أَلَيْسَ اللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُ ۖ وَيُخَوِّفُونَكَ بِالَّذِينَ مِنْ دُونِهِ ۚ وَمَنْ يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿٣٦﴾

وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ مُضِلٍّ ۗ أَلَيْسَ اللَّهُ بِعَزِيزٍ ذِي انْتِقَامٍ ﴿٣٧﴾

وَلَئِنْ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ ۚ قُلْ أَفَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ أَرَادَنِيَ اللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَاشِفَاتُ ضُرِّهِ أَوْ أَرَادَنِي بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكَاتُ رَحْمَتِهِ ۚ قُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ ۖ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٣٨﴾

قُلْ يَا قَوْمِ اعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّي عَامِلٌ ۖ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣٩﴾

مَنْ يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيْهِ عَذَابٌ مُقِيمٌ ﴿٤٠﴾

إِنَّا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ لِلنَّاسِ بِالْحَقِّ ۖ فَمَنِ اهْتَدَىٰ فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ۖ وَمَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِوَكِيلٍ ﴿٤١﴾

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا ۖ فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا الْمَوْتَ وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُسَمًّى ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ

لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾
أَمِ اتَّخَذُوا مِن دُونِ اللَّهِ شُفَعَاءَ ۚ قُلْ أَوَلَوْ كَانُوا
لَا يَمْلِكُونَ شَيْئًا وَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾
قُل لِّلَّهِ الشَّفَاعَةُ جَمِيعًا ۖ لَّهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ ۖ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٤٤﴾
وَإِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَحْدَهُ اشْمَأَزَّتْ قُلُوبُ الَّذِينَ
لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ ۖ وَإِذَا ذُكِرَ الَّذِينَ مِن دُونِهِ
إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٤٥﴾
قُلِ اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ عَالِمَ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ أَنتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِي مَا كَانُوا
فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٤٦﴾
وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُ
مَعَهُ لَافْتَدَوْا بِهِ مِن سُوءِ الْعَذَابِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ
وَبَدَا لَهُم مِّنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾
وَبَدَا لَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَحَاقَ بِهِم مَّا
كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٤٨﴾
فَإِذَا مَسَّ الْإِنسَانَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا خَوَّلْنَاهُ نِعْمَةً مِّنَّا
قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ ۚ بَلْ هِيَ فِتْنَةٌ وَلَٰكِنَّ
أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٩﴾
قَدْ قَالَهَا الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَمَا أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا
يَكْسِبُونَ ﴿٥٠﴾
فَأَصَابَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا ۚ وَالَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْ
هَٰؤُلَاءِ سَيُصِيبُهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَمَا هُم
بِمُعْجِزِينَ ﴿٥١﴾
أَوَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ ۚ
إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾

"Bukankah Allah itu memelihara hamba-Nya? Dan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya (36). Dan barang siapa yang diberi hidayat oleh Allah, maka tiada siapa pun yang boleh menyesatkannya. Bukankah Allah itu Maha Perkasa dan Maha Berkuasa membalas (37). Dan jika engkau bertanya kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi, nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Terangkanlah (kepadaku) tentang tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah itu, iaitu jika Allah hendak menimpakan bencana ke atasku, apakah mereka berkuasa menghapuskan bencana-Nya itu? Atau jika Allah hendak mengurniakan kepadaku sesuatu rahmat, apakah mereka berkuasa menahankan rahmat-Nya itu? Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi Pelindungku, kepada-Nyalah berserah sekalian orang yang berserah (38). Katakanlah: Wahai kaumku! Bekerjalah mengikut cara kamu. Sesungguhnya aku juga akan terus bekerja (mengikut caraku). Dan kamu semua akan mengetahui (39). Siapa kelak yang akan mendapat 'azab yang menghinakannya dan akan ditimpa 'azab yang kekal (40). Sesungguhnya Kami telah turunkan kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran untuk menjadi pedoman kepada manusia. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri, dan barang siapa yang sesat, maka bahaya kesesatannya menimpa dirinya sendiri, dan engkau (wahai Muhammad) bukannya penguasa di atas mereka (41). Allahlah yang mengambil roh-roh ketika matinya seseorang dan mengambil roh orang yang belum mati ketika di dalam tidurnya, lalu Dia menahankan roh orang yang telah ditetapkannya mati dan melepaskannya kembali roh yang lain sehingga kepada satu waktu yang telah ditentukan. Sesungguhnya kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang yang berfikir (42). (Tetapi mereka tidak berfikir) malah mereka mengambil pemberi-pemberi syafa'at yang lain dari Allah. Katakanlah: (Apakah kamu mengambil mereka) walaupun mereka tidak memiliki sesuatu apa pun dan tidak pula berakal (43). Katakanlah: Allahlah sahaja yang memiliki seluruh urusan syafa'at. Dialah sahaja yang memiliki kerajaan langit dan bumi, kemudian kepada-Nya seluruh kamu dikembalikan (44). Dan apabila nama Allah sahaja yang disebutkan, maka jijiklah segala hati orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat, tetapi apabila disebut tuhan-tuhan yang dari Allah mereka terus bergembira (45). Katakanlah: Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dan mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata! Engkaulah yang akan menghukumkan di antara hamba-hamba-Mu di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka (46). Dan sekiranya orang-orang yang zalim (kafir) itu memiliki segala isi bumi dan memiliki sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya daripada 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat. Dan (ketika itu) ternampaklah kepada mereka sesuatu dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka (47). Dan ternampaklah kepada mereka akibat-akibat yang buruk dari perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Dan mereka akan

dikelilingi 'azab keseksaan yang telah dipersenda-sendakan mereka (48). Apabila seseorang manusia disentuh bala bencana ia terus berdo'a kepada Kami, kemudian apabila Kami kurniakannya sesuatu ni'mat dia berkata: Sesungguhnya aku diberikan ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku. Bahkan sebenarnya ni'mat itu suatu ujian, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (49). Sesunguhnya (perkataan ini) telah pun diucapkan oleh orang-orang yang sebelum mereka, maka segala apa yang diusahakan mereka tidak berguna untuk menyelamatkan mereka (51). Lalu mereka ditimpa akibat buruk dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka. Dan orang-orang yang zalim dari mereka juga akan ditimpa akibat buruk dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka dan mereka tidak mampu melemahkan Allah (52). Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah meluaskan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan juga menyempitkannya. Sesungguhnya dalam penentuan rezeki itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(53)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bahagian ini merupakan bahagian yang paling luas dari surah ini. Ia membicarakan hakikat tauhid dari berbagai-bagai sudut dengan berbagai-bagai sentuhan. Mula-mula ia menggambarkan hati seorang Mu'min dan sikapnya terhadap kuasa-kuasa yang wujud di bumi, juga pergantungannya yang mutlak kepada kuasa Allah Yang Tunggal tanpa menghiraukan kuasa-kuasa kerdil yang lain. Oleh kerana itu dia berlepas tangan dari segala kuasa-kuasa palsu dan menyerahkan urusannya dan urusan penentang-penentangnya kepada Allah pada hari Qiamat dan meneruskan perjalanannya dengan langkah-langkah yang tetap dan yakin kepada kesudahannya yang baik.

Setelah itu diterangkan pula tugas Rasulullah s.a.w., iaitu beliau bukannya penguasa yang dapat menguasai manusia dalam urusan hidayat dan kesesatan mereka, malah yang menguasai mereka ialah Allah dalam segala keadaan mereka. Tiada siapa yang boleh memberi syafa'at kepada mereka, kerana seluruh kuasa memberi syafa'at dimiliki Allah sebagaimana ia memiliki kerajaan langit dan bumi. Dan semua makhluk pulang kepada-Nya.

Kemudian ia menceritakan keadaan kaum Musyrikin yang merasa bosan apabila disebut 'aqidah tauhid dan merasa senang apabila disebut kepercayaan syirik. Setelah itu ia iringi dengan menyeru Rasulullah s.a.w. supaya mengisytiharkan 'aqidah tauhid yang tulen dan tinggalkan perkara kaum Musyrikin itu kepada Allah. Ia menggambarkan keadaan mereka pada hari Qiamat, di mana mereka bercita-cita hendak menebuskan diri mereka dari 'azab Allah dengan segala isi bumi serta sebanyak itu lagi. Mereka ketika itu telah nampak berbagai-bagai 'azab Allah yang ngeri.

Kaum Musyrikin itu berdo'a kepada Allah Yang Tunggal apabila ditimpa bala bencana, tetapi apabila Allah mengurniakan kepadanya sesuatu ni'mat, mereka membuat berbagai-bagai dakwaan. Mereka berkata:

إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍ

"Sesungguhnya ni'mat itu dikurniakan kepadaku kerana ilmu pengetahuanku"(49)

iaitu kata-kata yang pernah diucapkan oleh orang-orang Musyrikin sebelum mereka, lalu Allah Yang Maha Kuasa menimpakan 'azab keseksaan ke atas mereka dan mereka tidak dapat lagi melepaskan diri. Di samping itu ia menerangkan pula tentang luas sempit rezeki sebagai satu undang-undang dari undang-undang Allah yang berjalan mengikut hikmat dan perencanaan Allah, kerana Dialah sahaja yang berkuasa meluas dan menyempitkan rezeki itu:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya di dalam penjelasan hu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(52)

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 40)

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُۥ ۖ وَيُخَوِّفُونَكَ بِٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦ ۚ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٦﴾

وَمَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّضِلٍّ ۗ أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِعَزِيزٍ ذِى ٱنتِقَامٍ ﴿٣٧﴾

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۚ قُلْ أَفَرَءَيْتُم مَّا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَنِىَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَٰشِفَٰتُ ضُرِّهِۦٓ أَوْ أَرَادَنِى بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكَٰتُ رَحْمَتِهِۦ ۚ قُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ ۖ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٣٨﴾

قُلْ يَٰقَوْمِ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّى عَٰمِلٌ ۖ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣٩﴾

مَن يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيْهِ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Bukankah Allah itu memelihara hamba-Nya? Dan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya (36). Dan barang siapa yang diberi hidayat oleh Allah, maka tiada siapa pun yang boleh menyesatkannya. Bukankah Allah itu Maha Perkasa dan Maha Berkuasa membalas (37). Dan jika engkau bertanya

kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi, nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Terangkanlah (kepadaku) tentang tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah itu, iaitu jika Allah hendak menimpakan bencana ke atasku apakah mereka berkuasa menghapuskan bencana-Nya itu? Atau jika Allah hendak mengurniakan kepadaku sesuatu rahmat apakah mereka berkuasa menahankan rahmat-Nya itu? Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi pelindungku, kepada-Nyalah berserah sekalian orang yang berserah (38). Katakanlah: Wahai kaumku! Bekerjalah mengikut cara kamu. Sesungguhnya aku juga akan terus bekerja (mengikut caraku). Dan kamu semua akan mengetahui (39). Siapa kelak yang akan mendapat 'azab yang menghinakannya dan akan ditimpa 'azab yang kekal."(40)

Logik Keimanan Yang Lurus

Empat ayat ini menggambarkan logik keimanan yang tulen. Dengan ungkapan yang mudah, kuat, terang dan mendalam seperti yang tersemat di hati Rasulullah s.a.w. dan sebagaimana yang sewajarnya tersemat di dalam hati setiap Mu'min dan setiap penda'wah. Hanya risalah dan da'wah Allah sahaja yang wajar menjadi undang-undang perlembagaan hidup yang mencukupi mereka dan menjadi pedoman menuju ke jalan yang lurus, tetap dan menyampaikan kepada Allah.

Menurut riwayat yang menerangkan sebab nuzulnya ayat-ayat ini ialah kaum Musyrikin Quraysy telah menakut-nakutkan Rasulullah s.a.w. dengan kemurkaan tuhan-tuhan mereka kerana beliau telah menyifatkan tuhan-tuhan itu dengan sifat-sifat yang hina. Mereka mengancam beliau jika beliau tidak diam dari terus mengecam tuhan-tuhan mereka, beliau akan ditimpa bala bencana.

Tetapi tujuan ayat ini lebih luas dan lebih umum lagi. Dia menggambarkan hakikat perjuangan di antara penda'wah kepada agama yang benar dengan seluruh kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan penentang da'wah yang wujud di bumi ini. Begitu juga ia menggambarkan kepercayaan, keyakinan dan ketenteraman di dalam hati orang yang beriman setelah menimbangkan kuasa-kuasa penentang itu dengan neraca pertimbangannya yang sebenar.

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُۥ ۖ

"Bukankah Allah itu memelihara hamba-Nya?"(36)

Ya, benar! Jika begitu siapakah dan apakah lagi yang dapat menakutkan beliau jika Allah berada di sampingnya dan jika beliau berdiri di maqam 'Ubudiyah dan menunaikan kewajipan di maqam 'Ubudiyah itu? Siapakah yang meragui kekuasaan Allah untuk memelihara hamba-hamba-Nya sedangkan Dia Maha Perkasa dan menguasai seluruh hamba-hamba-Nya?

وَيُخَوِّفُونَكَ بِٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦ ۚ

"Dan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah."(36)

Bagaimana beliau mungkin takut? Sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah itu tidak dapat menakutkan orang-orang Mu'min yang dipeliharakan Allah. Tidakkah segala apa yang ada di muka bumi ini bukan Allah?

Ini adalah satu persoalan yang amat lurus, mudah dan terang, tidak memerlukan kepada perdebatan dan pemerahan minda, iaitu persoalan Allah dan mereka yang bukan Allah. Jika begini persoalannya, maka di sana tidak ada sebarang keraguan dan kesamaran lagi.

Iradat Allah tetap lulus. Dialah yang menetapkan keputusan-Nya terhadap hamba-hamba-Nya iaitu pada anggota tubuh badan mereka, pada harakat hati dan perasaan mereka.

وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ٣٦

"Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(36)

Allah mengetahui siapa yang wajar menerima kesesatan lalu Dia membiarkannya, sesat, dan mengetahui siapa yang wajar menerima hidayat lalu Dia memberi hidayat kepadanya. Dan segala apa yang dikehendaki-Nya tiada siapa yang boleh menukarkannya.

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِعَزِيزٍ ذِى ٱنتِقَامٍ ٣٧

"Bukankah Allah itu Maha Perkasa dan Maha Berkuasa membalas."(37)

Ya, benar! Allah itu Maha Perkasa dan Maha Kuat. Dia berkuasa memberi balasan yang wajar kepada setiap orang. Oleh itu bagaimana orang yang menunaikan kewajipan 'Ubudiyahnya kepada Allah yang memeliharanya itu boleh takut kepada seseorang atau sesuatu yang lain?

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan hakikat ini dengan satu gambaran yang lain yang diambil dari logik diri mereka sendiri dan dari realiti pengakuan fitrah mereka terhadap Allah:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۚ قُلْ أَفَرَءَيْتُم مَّا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَنِىَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَٰشِفَٰتُ ضُرِّهِۦٓ أَوْ أَرَادَنِى بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكَٰتُ رَحْمَتِهِۦ ۚ قُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ ۖ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ٣٨

"Dan jika engkau bertanya kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Terangkanlah (kepadaku) tentang tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah itu, iaitu jika Allah hendak menimpakan bencana ke atasku, apakah mereka berkuasa menghapuskan bencana-Nya itu? Atau jika Allah

hendak mengurniakan kepadaku sesuatu rahmat, apakah mereka berkuasa menahankan rahmat-Nya itu? Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi Pelindungku, kepada-Nyalah berserah sekalian orang yang berserah."(38)

Maksudnya, mereka telah mengakui , apabila ditanya - bahawa Allah itulah Pencipta langit dan bumi. Fitrah manusia tidak mampu mengatakan selain dari pengakuan ini, dan akal manusia juga tidak mampu memberi sebab musabab terjadinya langit dan bumi melainkan dengan alasan wujudnya iradat Allah Yang Maha Tinggi. Al-Qur'an dapat menghujjahkan mereka dan bijak pandai mereka dengan hakikat semulajadi yang amat jelas ini, iaitu jika Allah itu Pencipta langit dan bumi, maka adakah sesiapa atau sesuatu di langit dan bumi ini yang berkuasa menghapuskan bala bencana yang dikehendaki Allah untuk menimpakannya ke atas mana-mana hamba-Nya? Atau adakah sesiapa atau sesuatu di langit dan di bumi ini yang berkuasa menahan sesuatu rahmat yang dikehendaki Allah untuk diberikannya kepada mana-mana hamba-Nya?

Jawapan secara tegas ialah tidak. Jika ini telah jelas, maka apakah lagi yang ditakuti penda'wah kepada Allah? Apakah lagi yang dibimbang dan diharap-harapkan mereka? Bukankah tiada siapa pun yang berkuasa menghapuskan bala bencana Allah darinya? Dan bukankah tiada siapa pun yang berkuasa menahan rahmat Allah darinya? Apakah lagi yang mencemas atau menakutkannya atau menghalangkannya dari mengikuti jalan-Nya?

Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati orang yang beriman, maka tercapailah penyelesaian baginya terputuslah segala perdebatan, hilanglah ketakutan dan terputuslah harapan melainkan hanya kepada Allah S.W.T. sahaja:

قُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٣٨﴾

"Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi Pelindungku, kepada-Nyalah berserah sekalian orang yang berserah."(38)

Hakikat ini menimbulkan rasa ketenteraman, kepercayaan dan keyakinan iaitu ketenangan yang tidak merasa takut, kepercayaan yang tidak merasa gelisah dan keyakinan yang tidak bergoncang dalam perjalanan menuju ke penghabisan jalan:

قُلْ يَا قَوْمِ اعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّي عَامِلٌ
فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣٩﴾
مَن يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيْهِ عَذَابٌ
مُّقِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Katakanlah: Wahai kaumku! Bekerjalah mengikut cara kamu. Sesungguhnya aku juga akan terus bekerja (mengikut caraku). Dan kamu semua akan mengetahui (39). Siapa kelak yang akan mendapat 'azab yang menghinanya dan akan ditimpa 'azab yang kekal."(40)

Yakni wahai kaumku! Bekerjalah mengikut cara kamu dan aku pun akan terus berjalan mengikut caraku. Aku tidak akan menyeleweng, tidak akan takut dan bimbang, dan kamu akan mengetahui siapakah yang akan ditimpa 'azab yang hina di dunia dan 'azab yang kekal di Akhirat.

Persoalan tauhid telah selesai selepas dibentangkan hakikat yang lurus yang diakui fitrah manusia dan alam al-wujud iaitu Allah itulah Pencipta dan Penguasa langit dan bumi. Dialah tuanpunya da'wah yang dibawa para rasul dan didokong para penda'wah. Siapakah di langit dan di bumi yang memiliki sesuatu untuk para rasul-Nya atau para penda'wah-Nya? Siapakah yang berkuasa menolak bala bencana dari mereka atau menahan rahmat dari mereka? Jika tidak, maka apakah yang ditakuti mereka dan apakah yang diharapkan mereka dari yang lain dari Allah?

Sesungguhnya persoalan tauhid telah jelas dan jalan tauhid juga telah nyata. Di sana tidak ada ruang lagi untuk berdebat dan berbahas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Itulah hakikat kedudukan di antara para rasul Allah dengan segala kuasa-kuasa di bumi yang menentang mereka. Apakah pula hakikat tugas rasul-rasul dan bagaimana sikap mereka terhadap para pendusta?

Kedudukan Para Rasul Dengan Penentang-penentangnya

إِنَّا أَنزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ لِلنَّاسِ بِالْحَقِّ فَمَنِ
اهْتَدَىٰ فَلِنَفْسِهِ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا
وَمَا أَنتَ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ ﴿٤١﴾
اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ
فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا الْمَوْتَ
وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى إِنَّ فِي ذَٰلِكَ
لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾
أَمِ اتَّخَذُوا مِن دُونِ اللَّهِ شُفَعَاءَ قُلْ أَوَلَوْ كَانُوا
لَا يَمْلِكُونَ شَيْئًا وَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾
قُل لِّلَّهِ الشَّفَاعَةُ جَمِيعًا لَّهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah turunkan kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran untuk menjadi pedoman kepada manusia. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri dan barang siapa yang sesat, maka bahaya kesesatannya menimpa dirinya sendiri dan engkau (wahai Muhammad) bukannya penguasa di atas mereka (41). Allahlah yang mengambil roh-roh ketika matinya seseorang dan mengambil roh orang yang belum mati ketika di dalam tidurnya, lalu Dia menahankan roh orang yang telah ditetapkannya mati dan melepaskannya kembali roh yang lain sehingga kepada satu waktu yang telah ditentukan. Sesungguhnya kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang yang berfikir (42). (Tetapi mereka tidak berfikir) malah mereka mengambil pemberi-pemberi syafa'at yang lain dari Allah. Katakanlah: (Apakah kamu mengambil mereka) walaupun mereka tidak memiliki sesuatu apa pun dan tidak pula berakal (43). Katakanlah: Allahlah sahaja yang memiliki seluruh urusan syafa'at. Dialah sahaja yang memiliki kerajaan langit dan bumi kemudian kepada-Nya seluruh kamu dikembalikan."(44)

إِنَّآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ لِلنَّاسِ بِٱلۡحَقِّۖ

"Sesungguhnya Kami telah turunkan kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran untuk menjadi pedoman kepada manusia."(41)

Kebenaran pada tabi'atnya, kebenaran yang wujud pada sistemnya dan pada syari'atnya. Kebenaran yang menjadi landasan tegaknya langit dan bumi, di samping menjadi titik pertemuan yang serasi di antara undang-undang hidup manusia dengan undang-undang alam buana seluruhnya. Kebenaran ini diturunkan untuk faedah manusia supaya mereka berpandu dengannya, hidup dengannya dan berdiri teguh di atasnya. Engkau (wahai Muhammad) hanya penyampai sahaja dan mereka bebas untuk memilih apa sahaja yang disukai mereka sama ada memilih hidayat atau kesesatan, ni'mat atau 'azab dan engkau bukannya dapat menguasai mereka dan bukannya bertanggungjawab terhadap tindak-tanduk mereka:

فَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ فَلِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيۡهَاۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيۡهِم بِوَكِيلٍ ٤١

"Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri dan barang siapa yang sesat, maka bahaya kesesatannya menimpa dirinya sendiri dan engkau (wahai Muhammad) bukannya penguasa di atas mereka."(41)

Yang menjadi Penguasa di atas mereka hanya Allah. Mereka, sentiasa berada di dalam genggaman qudrat Allah sama ada di waktu mereka jaga atau tidur dan di dalam segala keadaan mereka. Allah berkuasa bertindak terhadap mereka mengikut apa sahaja yang dikehendaki-Nya:

Roh Berada Dalam Genggaman Allah

ٱللَّهُ يَتَوَفَّى ٱلۡأَنفُسَ حِينَ مَوۡتِهَا وَٱلَّتِي لَمۡ تَمُتۡ فِي مَنَامِهَاۖ فَيُمۡسِكُ ٱلَّتِي قَضَىٰ عَلَيۡهَا ٱلۡمَوۡتَ وَيُرۡسِلُ ٱلۡأُخۡرَىٰٓ إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمًّىۚ

"Allahlah yang mengambil roh-roh ketika matinya seseorang dan mengambil roh orang yang belum mati ketika di dalam tidurnya, lalu Dia menahankan roh orang yang telah ditetapkan mati dan melepaskan kembali roh yang lain sehingga kepada satu waktu yang telah ditentukan."(42)

Allahlah yang menamatkan ajal bagi orang-orang yang mati dan bagi orang-orang yang sedang tidur walaupun belum mati, kerana di dalam tidur rohnya diambil Allah untuk beberapa waktu. Roh-roh yang sudah sampai ajalnya akan ditahan terus oleh Allah dan dia tidak lagi akan jaga, sedangkan roh-roh yang belum sampai ajalnya akan dilepaskan kembali dan dia akan jaga semula sehingga sampai kepada masanya yang tertentu. Tegasnya roh-roh manusia itu sentiasa berada dalam genggaman qudrat Allah semasa mereka jaga dan semasa mereka tidur.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ٤٢

"Sesungguhnya kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang yang berfikir."(42)

* * * * * *

Demikianlah manusia itu sentiasa berada dalam genggaman qudrat Allah. Dialah yang menguasai mereka dan bukannya Rasul yang menguasai mereka. Jika mereka menerima hidayat, maka faedahnya akan kembali kepada diri mereka dan jika mereka memilih kesesatan, maka kecelakaannya akan menimpa mereka. Seluruh mereka akan dihisab belaka dan tidak akan ditinggalkan sia-sia. Ke manakah harapan mereka untuk melepaskan diri?

Urusan Syafa'at Di Tangan Allah

أَمِ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ شُفَعَآءَۚ قُلۡ أَوَلَوۡ كَانُواْ لَا يَمۡلِكُونَ شَيۡـٔٗا وَلَا يَعۡقِلُونَ ٤٣ قُل لِّلَّهِ ٱلشَّفَٰعَةُ جَمِيعٗاۖ لَّهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ ثُمَّ إِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ٤٤

"(Tetapi mereka tidak berfikir) malah mereka mengambil pemberi-pemberi syafa'at yang lain dari Allah. Katakanlah: (Apakah kamu mengambil mereka) walaupun mereka tidak memiliki sesuatu apa pun dan tidak pula berakal (43). Katakanlah: Allahlah sahaja yang memiliki seluruh urusan syafa'at. Dialah sahaja yang memiliki kerajaan langit dan bumi kemudian kepada-Nya seluruh kamu dikembalikan."(44)

Pertanyaan ini merupakan pertanyaan ejekan terhadap orang-orang yang mendakwa menyembah patung-patung malaikat dengan tujuan untuk mendekatkan mereka kepada Allah:

لَا يَمْلِكُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾

"Walaupun mereka tidak memiliki suatu apapun dan tidak pula berakal."(43)

Kemudian diiringi dengan satu kenyataan yang tegas bahawa segala urusan syafa'at itu hanya dimiliki Allah. Dialah yang berkuasa memberi keizinan syafa'at kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan menerusi siapa yang disukai-Nya. Apakah perbuatan mereka yang mempersekutui Allah dengan berbagai-bagai sekutu itu boleh melayakkan mereka untuk mendapat syafa'at?

لَّهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ

"Dialah sahaja yang memiliki kerajaan langit dan bumi."(44)

Di sana tiada suatu makhluk pun yang tedepas dari iradat-Nya di dalam kerajaan langit dan bumi ini.

ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٤٤﴾

"Kemudian kepada-Nya seluruh kamu di-kembalikan."(44)

Yakni tiada jalan lari untuk mengelakkan diri dari kembali kepada Allah Yang Tunggal di penghabisan perjalanan hidup.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 46)

Dalam keadaan ini, di mana hanya Allah sahaja yang memilik dan berkuasa, maka Al-Qur'an menceritakan pula bagaimana kaum Musyrikin benci kepada 'aqidah tauhid dan gemar kepada 'aqidah syirik, iaitu 'aqidah yang disangkalkan oleh seluruh makhluk di sekeliling mereka:

وَإِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَحْدَهُ ٱشْمَأَزَّتْ قُلُوبُ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْـَٔاخِرَةِ ۖ وَإِذَا ذُكِرَ ٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦٓ إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan apabila nama Allah sahaja yang disebutkan, maka jijiklah segala hati orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat, tetapi apabila disebut tuhan-tuhan yang lain dari Allah mereka terus bergembira."(45)

Kaum Musyrikin Bencikan 'Aqidah Tauhid

Walaupun ayat ini menceritakan satu kejadian yang benar-benar berlaku di masa Rasulullah s.a.w., di mana kaum Musyrikin bergembira apabila disebutkan tuhan-tuhan mereka dan merasa bosan dan benci apabila disebutkan nama Allah Yang Tunggal, namun sebenarnya ayat ini menggambarkan satu sikap jiwa manusia yang berulang-ulang di dalam berbagai-bagai masyarakat dan zaman. Di sana ada orang-orang yang merasa bosan dan benci apabila mereka diseru kepada menyembah Allah sebagai Tuhan Yang Tunggal, diseru kepada berpegang dengan syari'at Allah Yang Tunggal sebagai undang-undang masyarakat dan diseru kepada sistem hidup ciptaan Allah Yang Tunggal sebagai peraturan hidup manusia, tetapi apabila disebutkan sistem hidup, peraturan-peraturan dan undang-undang ciptaan manusia di bumi mereka bergembira, sukacita dan mengalu-ngalukan percakapan itu serta melapangkan dada mereka untuk berbincang. Orang-orang inilah yang digambarkan sebagai contoh di dalam ayat ini, dan orang-orang yang seperti ini adalah wujud di setiap zaman dan tempat. Mereka mempunyai fitrah yang rosak dan tabi'at yang menyeleweng, merekalah orang-orang yang sesat dan penyesat-penyesat dalam berbagai masyarakat dan zaman, berbagai-bagai bangsa dan kaum.

Sebagai jawapan kepada kerosakan fitrah, penyelewengan dan kesesatan ini, Allah telah mengajar Rasulullah s.a.w. jawapan untuk menghadapi keadaan yang seperti ini:

قُلِ ٱللَّهُمَّ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ عَٰلِمَ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ أَنتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِى مَا كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٤٦﴾

"Katakanlah: Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dan mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata! Engkaulah yang akan menghukumkan di antara hamba-hamba-Mu di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka."(46)

Itulah do'a fitrah yang melihat langit dan bumi dan tidak dapat mencari penciptanya selain dari Allah yang telah diakui sebagai Pencipta langit dan bumi dan menyifatkan-Nya dengan sifat yang layak dengan Pencipta langit dan bumi iaitu sifat:

عَٰلِمَ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ

"Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata."(46)

Yakni mengetahui segala sesuatu yang tidak dapat dilihat dan segala sesuatu yang dapat dilihat, mengetahui segala yang batin dan segala yang zahir.

أَنتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِى مَا كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٤٦﴾

"Engkaulah yang akan menghukumkan di antara hamba-hamba-Mu di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka."(46)

Yakni Dialah sahaja yang akan menghukum pada hari seluruh manusia dikembalikan kepada-Nya dan mereka tetap akan kembali kepada-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 47 - 48)

Selepas mengajar jawapan itu, Al-Qur'an menayangkan pemandangan keadaan mereka yang sedang mengalami ketakutan pada hari mereka pulang kepada Allah untuk menghadapi pengadilan:

وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُ مَعَهُ لَافْتَدَوْا بِهِ مِنْ سُوءِ الْعَذَابِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَبَدَا لَهُمْ مِنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾ وَبَدَا لَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan sekiranya orang-orang yang zalim (kafir) itu memiliki segala isi bumi dan memiliki sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya daripada 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat. Dan (di ketika itu) ternampaklah kepada mereka sesuatu dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka (47). Dan ternampaklah kepada mereka akibat-akibat yang buruk dari perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Dan mereka akan dikelilingi 'azab keseksaan yang telah dipersenda-sendakan mereka."(48)

Itulah satu pemandangan yang amat ngeri yang diselindungkan di celah-celah pengungkapan yang mencemaskan, iaitu jika orang-orang yang melakukan kezaliman yang besar dengan mempersekutukan Allah itu memiliki segala isi bumi dari harta benda yang disayangi mereka dan yang menyebabkan mereka menjauhi Islam kerana berbangga dengan kekayaan dan memiliki sebanyak itu lagi, nescaya mereka akan berikan semua harta itu untuk menebuskan diri mereka dari 'azab keseksaan yang dilihat mereka pada hari Qiamat itu.

Dan di sana ada lagi satu pemandangan yang amat ngeri yang diselindungkan di sebalik ungkapan yang mencemaskan iaitu:

وَبَدَا لَهُمْ مِنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan ternampaklah kepada mereka sesuatu dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka."(47)

Yakni sesuatu yang tidak diterangkan Allah kepada mereka dan tidak diduga oleh mereka, tetapi ia merupakan sesuatu yang amat mengerikan yang tidak dicerita dan ditentukan Allah:

وَبَدَا لَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan ternampaklah kepada mereka akibat-akibat yang buruk dari perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Dan mereka akan di kelilingi 'azab keseksaan yang telah dipersenda-sendakan mereka."(48)

Yakni hal-hal yang seperti ini menambahkan lagi keburukan keadaan mereka apabila ternampak jelas kepada mereka akibat-akibat buruk dari perbuatan-perbuatan mereka dan apabila mereka dikelilingi 'azab seksa yang telah diejek-ejekkan mereka di dunia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 52)

Setelah menayangkan pemandangan ini untuk menerangkan keadaan mereka pada hari Qiamat kelak, di mana mereka kembali kepada Allah yang dipersekutukan mereka dan yang dijijikkan mereka apabila disebut namanya sahaja dan bergembira apabila disebut nama tuhan-tuhan mereka yang palsu, Al-Qur'an kembali menggambarkan keadaan mereka yang aneh. Mereka tidak percaya kepada 'aqidah Wahdaniyah, tetapi apabila mereka ditimpa kesusahan mereka hanya berdo'a kepada Allah dengan penuh khusyu', dan apabila Allah mengurniakan ni'mat kesenangan mereka terus berlagak angkuh dan ingkarkan Allah.

فَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا خَوَّلْنَاهُ نِعْمَةً مِنَّا قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ ۚ بَلْ هِيَ فِتْنَةٌ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٩﴾

"Apabila seseorang manusia disentuh bala bencana ia terus berdo'a kepada Kami, kemudian apabila Kami kurniakannya sesuatu ni'mat dari Kami dia berkata: Sesungguhnya aku diberikan ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku. Bahkan sebenarnya ni'mat itu suatu ujian, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(49)

Ayat ini menggambarkan contoh manusia yang berulang-ulang, selama fitrahnya tidak mendapat hidayat ke jalan yang benar, kembali kepada Tuhannya Yang Tunggal dan mengenali jalan menuju ke arah-Nya. Justeru itu dia tidak sesat dari jalan Allah sama ada di waktu kesenangan dan kesusahan.

Kesusahan itu menggugurkan timbunan-timbunan hawa nafsu terhadap fitrah manusia yang suci. Ia membuat fitrah itu bersih dari faktor-faktor bikinan manusia yang melindungkannya dari kebenaran yang ada padanya dan kebenaran yang ada pada hati seluruh makhluk yang wujud. Ketika itulah ia melihat Allah, mengenal dan bertawajjuh kepada-Nya. Tetapi apabila kesusahan itu hilang dan datang kesenangan, dia terus lupakan do'a yang diucapkannya ketika ditimpa kesusahan, dan fitrahnya terus menyeleweng kerana dipengaruhi hawa nafsunya. Dia berkata megah tentang ni'mat, rezeki dan kelebihan yang diperolehinya:

إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ ۚ

"Sesungguhnya aku diberi ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku."(49)

Kata-kata ini pernah diucapkan oleh Qarun, bahkan diucapkan oleh setiap orang yang tertipu dengan ilmu pengetahuannya atau tertipu dengan kepadaiannya yang didakwakannya sebagai sebab yang membolehkannya mendapat harta kekayaan dan

kekuasaan. Dia lupakan Allah selaku sumber ni'mat, selaku pengurnia ilmu pengetahuan dan kepandaian, selaku pencetus sebab musabab dan selaku pembahagi rezeki.

بَلۡ هِيَ فِتۡنَةٞ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ٤٩

"Bahkan sebenarnya ni'mat itu suatu ujian, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(49)

Ni'mat itu merupakan ujian dan dugaan untuk diketahui sama ada seseorang itu bersyukur atau kufur, sama ada seseorang itu berkelakuan baik dengan sebab ni'mat itu atau berkelakuan buruk, dan sama ada seseorang itu mengenal jalan hidayat atau cenderung ke arah kesesatan. Sebagai satu rahmat kepada manusia, Al-Qur'an mendedahkan rahsia ini kepada mereka, mengingatkan mereka dari bahaya dan menyedarkan mereka tentang ujian Allah. Oleh itu mereka tidak boleh berdalih lagi selepas mendapat penerangan yang jelas ini.

Kemudian Al-Qur'an menyentuh hati mereka dengan menayangkan kisah kebinasaan orang-orang yang terdahulu dari mereka kerana mengucapkan kata-kata yang sesat ini:

إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلۡمٍۚ

"Sesungguhnya aku diberikan ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku."(49)

قَدۡ قَالَهَا ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ فَمَآ أَغۡنَىٰ عَنۡهُم مَّا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ٥٠

"Sesungguhnya (perkataan ini) telah pun diucapkan oleh orang-orang yang sebelum mereka, maka segala apa yang diusahakan mereka tidak berguna untuk menyelamatkan mereka."(50)

فَأَصَابَهُمۡ سَيِّـَٔاتُ مَا كَسَبُواْۚ وَٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡ هَٰٓؤُلَآءِ سَيُصِيبُهُمۡ سَيِّـَٔاتُ مَا كَسَبُواْ وَمَا هُم بِمُعۡجِزِينَ ٥١

"Lalu mereka ditimpa akibat buruk dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka. Dan orang-orang yang zalim dari mereka juga akan ditimpa akibat buruk dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka dan mereka tidak mampu melemahkan Allah."(51)

Itulah kata-kata sesat yang telah diucapkan oleh orang-orang yang terdahulu dari mereka dan akibatnya mereka ditimpa kebinasaan dan kecelakaan dan ketika itu segala ilmu pengetahuan, harta kekayaan dan kekuatan mereka tidak dapat menolong mereka sedikit pun. Mereka akan menerima kebinasaan dan kecelakaan yang telah menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka, kerana Sunnatullah itu tetap tidak berubah-ubah:

وَمَا هُم بِمُعۡجِزِينَ ٥١

"Dan mereka tidak mampu melemahkan Allah."(51)

Yakni Allah tidak dapat dilemahkan oleh makhluk-makhluk-Nya yang kerdil. Segala ni'mat dan rezeki yang dikurniakan Allah kepada manusia, maka pengurniaan itu adalah mengikut kehendak iradat-Nya yang sesuai dengan hikmat dan perencanaan-Nya ketika menentukan luas dan sempit sesuatu rezeki yang dikurniakannya itu dengan tujuan untuk menguji hamba-Nya dan melaksanakan kehendak iradat-Nya.

أَوَلَمۡ يَعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقۡدِرُۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ٥٢

"Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah meluaskan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan juga menyempitkannya. Sesungguhnya dalam penentuan rezeki itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(52)

Justeru itu mereka tidak menggunakan bukti-bukti kekuasaan Allah sebagai punca kekufuran dan kesesatan mereka. Kerana bukti-bukti itu dikemukakan untuk tujuan memberi hidayat dan keimanan.

(Kumpulan ayat-ayat 53 - 61)

قُلۡ يَٰعِبَادِيَ ٱلَّذِينَ أَسۡرَفُواْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ لَا تَقۡنَطُواْ مِن رَّحۡمَةِ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغۡفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًاۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ٥٣

وَأَنِيبُوٓاْ إِلَىٰ رَبِّكُمۡ وَأَسۡلِمُواْ لَهُۥ مِن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَكُمُ ٱلۡعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ٥٤

وَٱتَّبِعُوٓاْ أَحۡسَنَ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَكُمُ ٱلۡعَذَابُ بَغۡتَةٗ وَأَنتُمۡ لَا تَشۡعُرُونَ ٥٥

أَن تَقُولَ نَفۡسٞ يَٰحَسۡرَتَىٰ عَلَىٰ مَا فَرَّطتُ فِي جَنۢبِ ٱللَّهِ وَإِن كُنتُ لَمِنَ ٱلسَّٰخِرِينَ ٥٦

أَوۡ تَقُولَ لَوۡ أَنَّ ٱللَّهَ هَدَىٰنِي لَكُنتُ مِنَ ٱلۡمُتَّقِينَ ٥٧

أَوۡ تَقُولَ حِينَ تَرَى ٱلۡعَذَابَ لَوۡ أَنَّ لِي كَرَّةٗ فَأَكُونَ مِنَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٥٨

بَلَىٰ قَدۡ جَآءَتۡكَ ءَايَٰتِي فَكَذَّبۡتَ بِهَا وَٱسۡتَكۡبَرۡتَ

وَكُنتَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٥٩﴾ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ تَرَى ٱلَّذِينَ كَذَبُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ ۚ أَلَيْسَ فِى جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٦٠﴾ وَيُنَجِّى ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ بِمَفَازَتِهِمْ لَا يَمَسُّهُمُ ٱلسُّوٓءُ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦١﴾

"Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang telah bertindak melampaui batas terhadap diri mereka sendiri: Janganlah kamu berputus harapan dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah bersedia mengampuni semua dosa. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih (53). Dan kembalilah kepada Tuhan kamu dan serahlah diri kamu kepada-Nya sebelum 'azab menimpa kamu dan selepas itu kamu tidak akan ditolong lagi (54). Dan ikutilah (Al-Qur'an) sebaik-baik (hidayat) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu sebelum 'azab menimpa kamu secara mendadak, sedangkan kamu tidak sedar (55). Supaya jangan ada seseorang pun yang akan bersungut: Alangkah sesalnya aku terhadap perbuatanku yang telah mencuaikan kewajipan terhadap Allah dan sesungguhnya aku dahulunya dari orang-orang yang mempersenda-sendakan (ajaran Allah) (56). Atau supaya jangan ada yang berkata: Jika Allah telah memberi hidayat kepadaku tentulah aku termasuk dalam golongan para Muttaqin (57). Atau supaya jangan ada yang berkata ketika ia melihat 'azab: Alangkah beruntungnya jika aku dapat pulang semula ke dunia supaya aku termasuk dalam golongan para Muhsinin (58). Sebenarnya telah datang kepadamu ayat-ayat-Ku, lalu engkau dustakannya dan berlagak angkuh dan masuk ke dalam golongan orang-orang yang kafir (59). Dan pada hari Qiamat kelak engkau akan melihat muka orang-orang yang mendustakan ajaran Allah itu hitam legam. Bukankah di dalam Neraka Jahannam tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur? (60) Dan Allah akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa kerana kejayaan mereka (mencapai keredhaan Allah), mereka tidak akan disentuhi 'azab dan tidak pula akan berdukacita."(61)

Setelah Allah menggambarkan keadaan ngeri yang dialami oleh orang-orang yang zalim pada hari Qiamat yang diterangkan dalam firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُۥ مَعَهُۥ لَٱفْتَدَوْا۟ بِهِۦ مِن سُوٓءِ ٱلْعَذَابِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ وَبَدَا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا۟ يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾ وَبَدَا لَهُمْ سَيِّـَٔاتُ مَا كَسَبُوا۟ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan sekiranya orang yang zalim (kafir) itu memiliki segala isi bumi dan memiliki sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya daripada 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat. Dan (di waktu itu) ternampaklah kepada mereka sesuatu dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka (47). Dan ternampaklah kepada mereka akibat-akibat yang buruk dari perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Dan mereka akan di kelilingi 'azab keseksaan yang telah dipersenda-sendakan mereka itu"(48)

Allah kembali pula membuka seluas-luasnya pintu untuk mendapat rahmat-Nya melalui taubat dan menggalakkan ahli-ahli maksiat supaya mencari rahmat dan keampunan-Nya walaupun sebanyak mana mereka melakukan maksiat-maksiat itu. Allah menyeru mereka supaya kembali kepada-Nya tanpa berputus asa. Di samping menyeru mereka supaya berusaha mendapatkan rahmat dan keampunan Allah, Al-Qur'an mengemukakan pula gambaran 'azab yang menunggu mereka andainya mereka tidak kembali bertaubat kepada Allah, dan andainya mereka tidak merebut peluang yang terbuka ini sebelum terluput dan sebelum kehilangan waktunya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 53 - 59)

Jangan Putus Harapan Dari Mendapat Rahmat Allah

قُلْ يَٰعِبَادِىَ ٱلَّذِينَ أَسْرَفُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا۟ مِن رَّحْمَةِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

"Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang telah bertindak melampaui batas terhadap diri mereka sendiri. Janganlah kamu berputus harapan dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah bersedia mengampunkan semua dosa. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

Itulah rahmat Allah yang dapat menampung semua maksiat walau bagaimana besar sekalipun. Itulah seruan Allah mengajak manusia kembali kepada-Nya, iaitu mengajak orang-orang yang melakukan maksiat yang melampaui batas, liar dan meredah begitu jauh di belantara kesesatan kepada harapan dan kepercayaan untuk mendapat keampunan dari Allah kerana Allah Maha Penyayang terhadap hamba-hamba-Nya dan mengetahui segala kelemahan mereka, juga mengetahui segala faktor-faktor yang mempengaruhi mereka dari dalam, jiwa mereka sendiri dan dari luar. Allah mengetahui bahawa syaitan menunggu manusia di setiap tempat untuk menyerang hendap ke atas mereka. Setiap jalan yang dilalui mereka dihalang syaitan, dan syaitan mengemblengkan angkatan tenteranya yang berkuda dan berjalan kaki untuk menyerang mereka. Syaitan bekerja keras dan bertungkus lumus melaksanakan kerja-kerja jahatnya, dan dia tahu bahawa kejadian manusia itu lemah dan bahawa mereka begitu cepat

gugur apabila sahaja terlepas dari tangannya tali hubungannya dengan Allah. Tugas-tugas, kecenderungan-kecenderungan dan keinginan hawa nafsu yang ada di dalam jiwa mereka begitu cepat menyeleweng dan hilang imbangannya. Ini menyebabkan mereka terumbang-ambing di sana sini dan jatuh ke dalam maksiat, sedangkan mereka lemah untuk memelihara dan mengawal imbangan yang baik.

Allah S.W.T, mengetahui semua kelemahan ini pada makhluk manusia, kerana itu dia menghulurkan pertolongan dan meluaskan rahmat kepada mereka. Dan dia tidak membinasakan manusia dengan sebab maksiat-maksiat mereka sehingga dia menyediakan segala wasilah (sarana) untuk memperbaiki kesalahan mereka dan membetulkan langkah mereka supaya berjalan di atas jalan yang lurus. Dan apabila mereka terjerumus di dalam maksiat dan melakukan dosa yang keterlaluan sehingga mereka mengira bahawa mereka telah diusir dari rahmat Allah dan nasib kesudahannya telah berakhir dan tidak dapat ke mana-mana lagi, maka di sa'at-sa'at putus asa inilah mereka mendengar seruan Ilahi yang lembut dan amat halus:

قُلْ يَٰعِبَادِيَ ٱلَّذِينَ أَسْرَفُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا۟ مِن رَّحْمَةِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

"Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang telah bertindak melampaui batas terhadap diri mereka sendiri. Janganlah kamu berputus harapan dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah bersedia mengampunkan semua dosa. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

Tiada yang memisahkan di antara orang-orang yang keterlaluan melakukan maksiat, terjerumus dalam dosa, lari dari keselamatan dan mengikut jalan yang sesat. Tiada yang memisahkan di antara mereka dan rahmat Allah yang lembut dan bayangannya yang menyegarkan melainkan hanya bertaubat sahaja, iaitu kembali memasuki pintu taubat yang sentiasa terbuka, di mana tiada pengikut yang akan menahan mereka dan tidak perlu kepada meminta keizinan untuk memasukinya:

وَأَنِيبُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا۟ لَهُۥ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ ٱلْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿٥٤﴾
وَٱتَّبِعُوٓا۟ أَحْسَنَ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ ٱلْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٥٥﴾

"Dan kembalilah kepada Tuhan kamu dan serahlah diri kamu kepada-Nya sebelum 'azab menimpa kamu dan selepas itu kamu tidak akan ditolong lagi (54). Dan ikutilah (Al-Qur'an) sebaik-baik (hidayat) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu sebelum 'azab menimpa kamu secara mendadak, sedangkan kamu tidak sedar."(55)

Kembali kepada Allah menyerahkan diri kepada-Nya dan pulang semula kepada bayangan keta'atan dan penyerahan diri yang teduh, inilah sahaja langkah yang perlu untuk mendapat rahmat Allah. Di sana tidak ada upacara-upacara, tidak adat istiadat-istiadat, tidak ada halangan-halangan, tidak ada orang-orang tengah dan tidak ada tukang-tukang syafa'at! Itulah hisab secara langsung di antara hamba dan Allah. Dan itulah hubungan secara langsung di antara makhluk dan Khaliq, justeru itu barang siapa dari orang-orang yang menyeleweng yang ingin kembali kepada Allah, maka silakan kembali dan barang siapa dari orang-orang sesat yang ingin kembali kepada Allah, maka silalah bertaubat, sesiapa dari penderhaka-penderhaka yang ingin menyerah diri kepada Allah, sila menyerah, silalah datang dan masuk, kerana pintu sedang terbuka dan bayangan yang teduh, lembut, selesa semuanya berada di sebalik pintu ini di mana tiada pengawal dan tiada pula pemeriksa! Sila kembali kepada Allah. Silalah bertaubat segera sebelum luput waktu:

مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ ٱلْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿٥٤﴾

"Sebelum 'azab menimpa kamu dan selepas itu kamu tidak akan ditolong lagi."(54)

Di sini tidak ada penolong, silalah bertaubat segera, kerana waktu tidak terjamin, keputusan Qiamat mungkin telah diambil dan pintu-pintu taubat mungkin ditutup pada bila-bila masa malam dan siang. Silalah kembali kepada Allah dengan segera.

وَٱتَّبِعُوٓا۟ أَحْسَنَ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ ٱلْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٥٥﴾

"Dan ikutilah (Al-Qur'an) sebaik-baik (hidayat) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu sebelum 'azab menimpa kamu secara mendadak, sedangkan kamu tidak sedar."(55)

Silalah pulang! Sebelum kamu menyesal kerana terlepas peluang, kerana cuai menunaikan janji Allah:

أَن تَقُولَ نَفْسٌ يَٰحَسْرَتَىٰ عَلَىٰ مَا فَرَّطتُ فِى جَنۢبِ ٱللَّهِ وَإِن كُنتُ لَمِنَ ٱلسَّٰخِرِينَ ﴿٥٦﴾

"Supaya jangan ada seseorang pun yang akan bersungut: Alangkah sesatnya aku terhadap perbuatanku yang telah mencuaikan kewajipan terhadap Allah dan sesungguhnya aku dahulunya dari orang-orang yang mempersenda-sendakan (ajaran Allah)."(56)

Atau jangan ada orang yang berkata Allah telah menetapkan kesesatan ke atasku dan andainya Dia menetapkan hidayat ke atasku tentulah aku mendapat hidayat dan bertaqwa:

أَوْ تَقُولَ لَوْ أَنَّ ٱللَّهَ هَدَىٰنِى لَكُنتُ مِنَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٥٧﴾

"Atau supaya jangan ada yang berkata: Jika Allah telah memberi hidayat kepadaku tentulah aku termasuk dalam golongan para Muttaqin."(57)

Ini satu dalihan yang tidak berasas kerana peluang sentiasa terbuka. Sarana-sarana hidayat sentiasa ada di hadapan mata dan pintu taubat masih terbuka luas.

أَوْ تَقُولَ حِينَ تَرَى ٱلْعَذَابَ لَوْ أَنَّ لِى كَرَّةً فَأَكُونَ
مِنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾

"Atau supaya jangan ada yang berkata ketika ia melihat 'azab: Alangkah beruntungnya jika aku dapat pulang semula ke dunia supaya aku termasuk dalam golongan para Muhsinin."(58)

Ini adalah satu angan-angan yang tidak mungkin tercapai, kerana apabila kehidupan dunia ini tamat, maka ia tidak akan berulang dan kembali lagi. Kini kamu sekalian masih berada di dalam negeri beramal dan berusaha. Ia merupakan peluang yang tunggal yang tidak berulang sesudah ia tamat dan kamu kelak akan ditanya dengan penuh penghinaan tentang peluang yang disia-siakan kamu itu:

بَلَىٰ قَدْ جَآءَتْكَ ءَايَٰتِى فَكَذَّبْتَ بِهَا وَٱسْتَكْبَرْتَ
وَكُنتَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٥٩﴾

"Sebenarnya telah datang kepadamu ayat-ayat-Ku, lalu engkau dustakannya dan berlagak angkuh dan masuk ke dalam golongan orang-orang yang kafir."(59)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 61)

Muka-muka Yang Hitam Legam Di Hari Qiamat

Setelah membawa hati dan perasaan manusia ke pekarangan alam Akhirat, maka Al-Qur'an terus menayangkan pemandangan golongan pendusta dan golongan para Muttaqin dalam situasi yang amat hebat itu:

وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ تَرَى ٱلَّذِينَ كَذَبُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ
وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ ۚ أَلَيْسَ فِى جَهَنَّمَ مَثْوًى
لِّلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٦٠﴾
وَيُنَجِّى ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ بِمَفَازَتِهِمْ لَا يَمَسُّهُمُ
ٱلسُّوٓءُ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦١﴾

"Dan pada hari Qiamat kelak engkau akan melihat muka-muka orang-orang yang mendustakan ajaran Allah itu menjadi hitam legam. Bukankah di dalam Neraka Jahannam terdapat tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur? (60) Dan Allah akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa kerana kejayaan mereka (mencapai keredhaan Allah), mereka tidak akan disentuhi 'azab dan tidak pula akan berdukacita."(61)

Inilah kesudahan yang akhir. Satu golongan berwajah hitam legam kerana kecewa, hina, duka nestapa dan kerana diselar api Neraka. Itulah golongan manusia yang angkuh di bumi ini. Mereka diseru kepada Allah dan seruan itu masih terus dihadapkan kepada mereka walaupun sesudah mereka terlalu banyak membuat maksiat, tetapi mereka tidak sudi menyambut seruan yang membawa kepada keselamatan itu, oleh kerana itu pada hari (Qiamat) ini mereka berada dalam keadaan yang hina. Wajah-wajah mereka menjadi hitam legam. Sementara satu golongan lagi selamat sejahtera tidak disentuhi 'azab dan tidak pula mengalami duka nestapa, itulah golongan para Muttaqin. Semasa di dunia mereka takut kepada hari Akhirat dan mengharapkan rahmat Allah. Oleh kerana itu pada hari Qiamat ini mereka memperolehi keselamatan, kejayaan, keamanan dan kesejahteraan.

لَا يَمَسُّهُمُ ٱلسُّوٓءُ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦١﴾

"Mereka tidak akan disentuhi 'azab dan tidak pula akan berdukacita."(61)

Selepas penerangan yang jelas ini siapa suka dia boleh menyambut seruan yang menyeru mereka kepada rahmat yang lembut dan teduh di sebalik pintu taubat yang terbuka itu, dan siapa suka dia boleh hidup terus dalam keterlaluan dan kesesatan ini sehingga mereka ditimpa 'azab yang mendadak dan tidak disedari mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 62 - 75)

ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿٦٢﴾
لَّهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٦٣﴾
قُلْ أَفَغَيْرَ ٱللَّهِ تَأْمُرُوٓنِّىٓ أَعْبُدُ أَيُّهَا ٱلْجَٰهِلُونَ ﴿٦٤﴾
وَلَقَدْ أُوحِىَ إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِنْ
أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ
ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٦٥﴾
بَلِ ٱللَّهَ فَٱعْبُدْ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٦﴾

وَمَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦ وَٱلْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ وَٱلسَّمَـٰوَٰتُ مَطْوِيَّـٰتٌۢ بِيَمِينِهِۦ ۚ سُبْحَـٰنَهُۥ وَتَعَـٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٧﴾

وَنُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَصَعِقَ مَن فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنظُرُونَ ﴿٦٨﴾

وَأَشْرَقَتِ ٱلْأَرْضُ بِنُورِ رَبِّهَا وَوُضِعَ ٱلْكِتَـٰبُ وَجِا۟ىٓءَ بِٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٦٩﴾

وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٧٠﴾

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوهَا فُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَآ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَتْلُونَ عَلَيْكُمْ ءَايَـٰتِ رَبِّكُمْ وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَـٰذَا ۚ قَالُوا۟ بَلَىٰ وَلَـٰكِنْ حَقَّتْ كَلِمَةُ ٱلْعَذَابِ عَلَى ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٧١﴾

قِيلَ ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَـٰلِدِينَ فِيهَا ۖ فَبِئْسَ مَثْوَى ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٢﴾

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ إِلَى ٱلْجَنَّةِ زُمَرًا ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا سَلَـٰمٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ فَٱدْخُلُوهَا خَـٰلِدِينَ ﴿٧٣﴾

وَقَالُوا۟ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى صَدَقَنَا وَعْدَهُۥ وَأَوْرَثَنَا ٱلْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنَ ٱلْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَآءُ ۖ فَنِعْمَ أَجْرُ ٱلْعَـٰمِلِينَ ﴿٧٤﴾

وَتَرَى ٱلْمَلَـٰٓئِكَةَ حَآفِّينَ مِنْ حَوْلِ ٱلْعَرْشِ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَقِيلَ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٧٥﴾

"Allah Pencipta segala sesuatu dan Dialah yang menguasai segala sesuatu (62). Dia memiliki anak kunci perbendaharaan langit dan bumi. Dan orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah merekalah orang-orang yang rugi (63). Katakanlah: Apakah kamu menyuruh aku menyembah selain dari Allah, wahai orang-orang yang jahil? (64) Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu jika engkau mempersekutukan Allah nescaya sia-sialah segala amalanmu dan tentulah engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi (65). Malah sembahlah Allah dan jadilah dari golongan orang-orang yang bersyukur (66). Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajarnya, sedangkan seluruh bumi berada dalam genggaman-Nya pada hari Qiamat dan langit tergulung di tangan kanan-Nya. Maha Suci dan Maha Tinggi Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka (67). Dan sangkakala pun ditiup lalu matilah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah, kemudian sangkakala ditiup sekali lagi, maka tiba-tiba seluruh mereka bangkit menunggu (hukuman) (68). Dan terang benderanglah bumi dengan nur Tuhannya, lalu buku suratan amalan pun dibentangkan dan sekalian nabi dan saksi dibawakan dan hukuman yang adil dijatuhkan di antara mereka dan mereka tidak sekali-kali dianiayai (69). Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap amalan yang telah dilakukannya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka (70). Dan orang-orang yang kafir dibawa ke Neraka secara kumpulan-kumpulan sehingga apabila mereka tiba di Neraka, maka pintu-pintunya dibuka dan berkatalah para penjaganya kepada mereka: Tidakkah telah datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu yang membaca ayat-ayat Tuhan kamu kepada kamu dan mengingatkan kamu dengan pertemuan pada hari ini. Jawab mereka: Benar! (Mereka telah datang), tetapi keputusan 'azab telah ditetapkan ke atas orang-orang yang kafir (71). Lalu dikatakan (kepada mereka): Silalah masuk pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu akan hidup kekal. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur (72). Dan dibawa pula orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka ke Syurga secara kumpulan-kumpulan sehingga apabila mereka tiba di Syurga, maka pintu-pintunya dibuka dan berkatalah para penjaga: Selamat sejahtera ke atas kamu. Kamu telah menunjukkan kebaikan, silalah masuk dan hidup kekal di dalamnya (73). Lalu mereka pun berkata: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah menepati janji-Nya kepada kami dan telah mengurniakan kepada kami bumi (Syurga) dan dapatlah kami tinggal di dalam Syurga di mana sahaja kami kehendaki. Itulah sebaik-baik pahala bagi orang-orang yang beramal (74). Dan engkau (wahai Muhammad!) akan melihat para malaikat mengelilingi di sekitar 'Arasy bertasbih memuji Tuhan mereka, dan hukuman yang adil telah diputuskan di antara mereka dan diucapkan segala kepujian itu terpulang kepada Tuhan semesta alam." (75).

Inilah bahagian terakhir surah yang membentangkan hakikat tauhid dari sudut sifat Wahdaniyah Allah Pencipta yang telah menciptakan segala sesuatu dan menguasai serta menguruskan segala sesuatu. Dan dengan ini jelaslah bahawa seruan kaum Musyrikin yang mengajak Rasulullah

s.a.w. supaya turut bersama mereka menyembah tuhan-tuhan mereka sebagai balasan kepada mereka yang bersetuju turut serta menyembah tuhan beliau itu sebagai satu seruan yang ganjil, kerana Allah telah menciptakan segala sesuatu dan mentadbirkan kerajaan langit dan bumi tanpa sebarang sekutu. Bagaimanakah pula ada tuhan-tuhan yang lain yang layak disembah bersamanya sedangkan Dia sahaja yang memegang kunci perbendaharaan langit dan bumi?

وَمَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦ

"Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajarnya"(67)

kerana mereka mempersekutukan-Nya dengan tuhan-tuhan yang lain, sedangkan Dia sahaja Tuhan yang layak disembah Yang Maha Kuasa dan Gagah Perkasa:

وَٱلْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَٱلسَّمَٰوَٰتُ مَطْوِيَّٰتٌۢ بِيَمِينِهِۦ

"Sedangkan seluruh bumi berada di dalam genggaman-Nya pada hari Qiamat dan langit tergulung di tangan kanan-Nya."(67)

Sesuai dengan penggambaran hakikat ini pada hari Qiamat, Al-Qur'an menayangkan pula satu pemandangan yang unik dari pemandangan-pemandangan Qiamat, iaitu pemandangan-pemandangan yang berakhir dengan himpunan para malaikat yang mengelilingi di sekitar Arasy sambil bertasbih memuji Allah dan seluruh makhluk mengucap tahmid:

وَقِيلَ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan diucap segala kepujian itu terpulang kepada Tuhan semesta alam."(75)

Inilah kata pemutus hakikat tauhid.

(Pentafsiran ayat-ayat 62 - 63)

Orang-orang Yang Mengalami Kerugian Yang Sebenar

ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿٦٢﴾ لَّهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٦٣﴾

"Allah Pencipta segala sesuatu dan Dialah yang menguasai segala sesuatu (62). Dia memiliki anak kunci perbendaharaan langit dan bumi. Dan orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah merekalah orang-orang yang rugi." (63)

Itulah hakikat yang diakui oleh setiap makhluk. Tiada siapapun yang sanggup mendakwa bahawa dia telah menciptakan sesuatu. Tiada akal yang sanggup mendakwa alam al-wujud ini ada tanpa pencipta, kerana apa yang ada di alam ini menunjukkan di sana adanya iradat dan tadbir Ilahi. Tiada satu urusan pun dari urusan alam ini dari yang kecil hingga kepada yang besar yang ditinggalkan begitu sahaja atau dibiarkan kepada kebetulan:

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿٦٢﴾

"Dan Dialah yang menguasai segala sesuatu."(62)

Teraju tadbir langit dan bumi ini hanya dimiliki Allah. Dialah yang mentadbirkannya mengikut kehendak iradat-Nya. Langit dan bumi adalah mengikut undang-undang yang ditentukan Allah. Tiada satu iradat yang lain yang turut campur tangan dalam pentadbiran itu. Inilah yang diakui fitrah manusia, dibuktikan oleh realiti dan inilah yang diakui akal dan dhamir manusia.

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٦٣﴾

"Dan orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah, merekalah orang-orang yang rugi."(63)

Yakni mereka rugi kerana tidak memahami hakikat yang sebenar yang menjadikan hidup mereka di bumi ini selaras dengan hidup seluruh alam buana. Mereka rugi kerana tidak dapat meni'mati ketenteraman hidayat, keindahan iman, ketenangan i'tiqad dan kemanisan keyakinan. Mereka rugi diri mereka dan keluarga mereka pada hari Qiamat. Merekalah orang-orang yang rugi dalam ertikata yang sebenar-benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 64 - 66)

Berdasarkan hakikat ini yang diakui langit dan bumi, dan disaksikan oleh segala makhluk di alam al-wujud, Allah mengajar Rasulullah s.a.w. supaya mengecam tawaran mereka yang mengajak beliau supaya bersama menyembah tuhan-tuhan mereka sebagai balasan mereka menyembah Allah bersama beliau, seolah-olah perkara ini merupakan dagangan di pasaran yang boleh dilakukan tawar-menawar:

قُلْ أَفَغَيْرَ ٱللَّهِ تَأْمُرُوٓنِّىٓ أَعْبُدُ أَيُّهَا ٱلْجَٰهِلُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Apakah kamu menyuruh aku menyembah selain dari Allah, wahai orang-orang yang jahil?"(64)

Itulah kecaman yang dilaungkan fitrah terhadap tawaran mereka yang karut, yang menunjukkan kejahilan mereka yang mutlak.

Kemudian diiringi dengan amaran melarang perbuatan syirik. Ia mulakan dengan para nabi dan Rasul-Salawatullahi-'alaihim yang tidak pernah terlintas di dalam hati mereka sebarang anggapan syirik terhadap Allah, tetapi amaran di sini dimaksudkan untuk mengingatkan kaum mereka bahawa maqam ibadat itu hanya untuk zat Allah

S.W.T. sahaja dan makam 'Ubudiyah itu adalah untuk manusia termasuk para nabi dan rasul.

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٦٥﴾

"Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu jika engkau mempersekutukan Allah nescaya sia-sialah segala amalanmu dan tentulah engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(65)

Mentauhidkan Ibadat Kepada Allah

Amaran terhadap syirik ini diakhiri dengan perintah bertauhidkan Allah, iaitu mentauhidkan ibadat dan kesyukuran kerana mendapat hidayat, keyakinan dan ni'mat-ni'mat Allah yang melimpahi hamba-hamba-Nya dan tidak terhitung banyaknya oleh mereka.

بَلِ ٱللَّهَ فَٱعْبُدْ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٦﴾

"Malah sembahlah Allah dan jadilah dari golongan orang-orang yang bersyukur."(66)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 67)

وَمَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦ

"Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajarnya."(67)

Ya, mereka tidak memberi penghormatan kepada Allah dengan penghormatan yang sebenar, malah mereka mempersekutukan Allah dengan setengah-setengah makhluk-Nya. Mereka tidak menyembah Allah dengan ibadat yang sebenar. Mereka masih tidak memahami Wahdaniyah dan keagungan Allah. Mereka belum lagi benar-benar merasa kebesaran dan kekuatan Allah.

Kemudian Al-Qur'an membentangkan sebahagian dari keagungan dan kekuatan Allah mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang mendekatkan hakikat Kulli kepada manusia dalam bentuk gambaran juz'i yang dapat difaham oleh daya akal mereka yang terbatas:

وَٱلْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَٱلسَّمَٰوَٰتُ مَطْوِيَّٰتٌۢ بِيَمِينِهِۦ ۚ سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٧﴾

"Sedangkan seluruh bumi berada dalam genggaman-Nya pada hari Qiamat dan langit tergulung di tangan kanan-Nya. Maha Suci dan Maha Tinggi Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka."(67)

Segala gambaran dan pemandangan yang seperti ini yang terdapat di dalam Al-Qur'an dan al-Hadith adalah bertujuan untuk mendekatkan hakikat-hakikat yang tidak mampu ditanggap oleh manusia tanpa dijelaskan dengan ungkapan yang senang difahami mereka. Di antaranya ialah gambaran ayat ini yang menggambarkan sebahagian dari hakikat qudrat Allah yang mutlak, yang tidak terikat dengan sesuatu bentuk, tidak terkepung di sesuatu kawasan dan tidak terbatas pada sesuatu batas.[2]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 68 - 75)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan hari Qiamat dimulakan dengan tiupan sangkakala yang pertama dan berakhir dengan berdiri menghadapi pengadilan di Padang Mahsyar, dan ahli Neraka dibawa ke Neraka, ahli Syurga dibawa ke Syurga. Pemandangan itu juga menunjukkan hanya Allah Yang Mulia sahaja yang berkuasa dan seluruh makhluk bertawajjuh kepada-Nya dengan tasbih dan tahmid.

Itulah satu permandangan yang amat hebat, yang mula-mulanya bergerak kemudian berjalan perlahan dan akhirnya segala gerak tenang dan segala bunyi menjadi sepi dan seluruh Padang Mahsyar diselubungi sunyi lengang, gementar dan khusyu' berdiri di hadapan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa.

Tiupan Sangkakala Pertama Dan Kedua

Mula-mula tiupan sangkakala yang pertama bergema menyebabkan seluruh makhluk yang bernyawa di muka bumi dan di langit mati semuanya melainkan mereka yang dikehendaki Allah. Kita tidak mengetahui berapa lama waktu berlalu sebelum tiupan sangkakala yang kedua:

وَنُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَصَعِقَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنظُرُونَ ﴿٦٨﴾

"Dan sangkakala pun ditiup lalu matilah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah, kemudian sangkakala di tiup sekali lagi, maka tiba-tiba seluruh mereka bangkit menunggu (hukuman)."(68)

Di sini tidak disebut tiupan sangkakala yang ketiga iaitu tiupan yang mengumpulkan seluruh manusia di Padang Mahsyar dan di sini juga tidak digambarkan bunyi riuh rendah kumpulan-kumpulan manusia yang berasak-asak dan bersesak-sesak itu, kerana pemandangan ini digambarkan dengan tenang dan bergerak dengan tenang.

---

[2] *Lihat bab* التصوير الفني *dan bab* التخييل الحسي والتجسيم *di dalam kitab* التصوير الفني في القرآن

وَأَشْرَقَتِ ٱلْأَرْضُ بِنُورِ رَبِّهَا وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ وَجِاْىٓءَ بِٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَقُضِيَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٦٩﴾ وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan terang benderanglah bumi dengan nur Tuhannya, lalu buku suratan amalan pun dibentangkan dan sekalian nabi dan saksi dibawakan dan hukuman yang adil dijatuhkan di antara mereka dan mereka tidak sekali-kali dianiayai (69). Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap amalan yang telah dilakukannya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(70)

وَأَشْرَقَتِ ٱلْأَرْضُ بِنُورِ رَبِّهَا

"Dan terang benderanglah bumi dengan nur Tuhannya."(69)

Yakni terang benderanglah bumi Mahsyar tempat berlangsungnya pengumpulan manusia itu dan hanya nur Allah sahaja yang terang benderang dan tiada nur yang lain di tempat ini.

وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ

"Lalu buku suratan amalan pun dibentangkan."(69)

Yakni buku yang mencatatkan segala perbuatan dan tindak-tanduk manusia.

وَجِاْىٓءَ بِٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلشُّهَدَآءِ

"Dan sekalian nabi dan saksi dibawa."(69)

Yakni mereka dibawa untuk memberi keterangan yang sebenar yang diketahui mereka dan dengan ini segala pertengkaran dan perdebatan pun ditutup selaras dengan suasananya serta suasana kebesaran dan khusyu' yang menyelubungi Padang Mahsyar itu.

وَقُضِيَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٦٩﴾ وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan hukuman yang adil dijatuhkan di antara mereka dan mereka tidak sekali-kali dianiayai (69). Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap amalan yang telah dilakukannya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(70)

Oleh sebab itu sebarang perkataan tidak perlu lagi diucapkan dan sebarang suara tidak perlu lagi disuarakan. Ayat ini menceritakan dengan ringkas proses hisab dan soal jawab yang dibentangkan di dalam pemandangan-pemandangan yang lain, kerana suasana di maqam ini ialah suasana kehebatan dan keagungan.

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوهَا فُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا

"Dan orang-orang yang kafir dibawa ke Neraka secara kumpulan-kumpulan, sehingga apabila mereka tiba di Neraka, maka pintu-pintunya dibuka."(71)

Lalu disambut oleh para penjaganya yang mencatatkan kewajaran mereka menerima 'azab Neraka dan menyebut kepada mereka sebab-sebab mereka dimasukkan ke dalam Neraka.

وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَآ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَتْلُونَ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِ رَبِّكُمْ وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا قَالُوا۟ بَلَىٰ وَلَٰكِنْ حَقَّتْ كَلِمَةُ ٱلْعَذَابِ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧١﴾

"Dan berkatalah para penjaganya kepada mereka: Tidakkah telah datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu yang membaca ayat-ayat Tuhan kamu kepada kamu dan mengingatkan kamu dengan pertemuan pada hari ini. Jawab mereka: Benar! (Mereka telah datang), tetapi keputusan 'azab telah ditetapkan ke atas orang-orang yang kafir."(71)

Ayat ini menggambarkan suasana mengaku dan menyerah, bukannya melawan dan menentang. Mereka semua mengaku dan menyerah.

قِيلَ ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا فَبِئْسَ مَثْوَى ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٢﴾

"Lalu dikatakan (kepada mereka): Silalah masuk pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu akan hidup kekal. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(72)

Itulah angkatan penghuni Neraka Jahannam dan itulah angkatan manusia yang angkuh. Dan bagaimana pula dengan angkatan penghuni Syurga iaitu angkatan para Muttaqin?

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ إِلَى ٱلْجَنَّةِ زُمَرًا حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ فَٱدْخُلُوهَا خَٰلِدِينَ ﴿٧٣﴾

"Dan dibawa pula orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka ke Syurga secara kumpulan-kumpulan sehingga apabila mereka tiba di Syurga, maka pintu-pintunya dibuka dan berkatalah para penjaga: Selamat sejahtera ke atas kamu. Kamu telah menunjukkan kebaikan, silalah masuk dan hidup kekal di dalamnya."(73)

Ayat ini menggambarkan sambutan yang baik dan sanjungan yang tinggi dan menyatakan sebab mereka dimasukkan ke dalam Syurga:

"Kamu telah menunjukkan kebaikan"(73)

dan kamu telah membersihkan diri kamu dari dosa-dosa. Kamu adalah orang-orang yang baik dan kamu datang ke sini sebagai orang-orang yang baik dan tiada di dalam Syurga melainkan orang yang baik dan tiada yang memasukinya melainkan orang-orang yang baik. Itulah keabadian dalam ni'mat Syurga.

Di sini bergemalah suara ahli-ahli Syurga mengucap tasbih dan tahmid.

وَقَالُوا۟ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى صَدَقَنَا وَعْدَهُۥ وَأَوْرَثَنَا ٱلْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنَ ٱلْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَآءُ ۖ فَنِعْمَ أَجْرُ ٱلْعَـٰمِلِينَ ﴿٧٤﴾

"Lalu mereka pun berkata: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah menepati janji-Nya kepada kami dan telah mengurniakan kepada kami bumi (Syurga) dan dapatlah kami tinggal di dalam Syurga di mana sahaja kami kehendaki. Itulah sebaik-baik pahala bagi orang-orang yang beramal."(74)

Yakni inilah bumi Syurga yang wajar diwarisi mereka. Di sini mereka boleh tinggal di mana sahaja mereka suka dan mereka boleh mendapat apa sahaja yang diidamkan mereka.

"Itulah sebaik-baik pahala bagi orang-orang yang beramal."(74)

Kemudian diakhiri dengan satu pemandangan yang menyelubungi jiwa dengan suasana kehebatan dan keagungan Ilahi, dan dengan pemandangan yang selaras dengan seluruh pemandangan-pemandangan tadi dan bayangannya dan dengan pernyataan yang paling sesuai untuk mengakhiri surah tauhid ini, di mana seluruh makhluk bertawajjuh kepada Allah dengan ucapan tahmid dalam suasana yang penuh khusyu' dan menyerah. Dan di mana kalimah tauhid dilafazkan setiap yang hidup dan ada dengan penuh penyerahan diri.

وَتَرَى ٱلْمَلَـٰٓئِكَةَ حَآفِّينَ مِنْ حَوْلِ ٱلْعَرْشِ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَقِيلَ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan engkau (wahai Muhammad)! Akan melihat para malaikat mengelilingi di sekitar 'Arasy bertasbih memuji Tuhan mereka dan hukuman yang adil telah diputuskan di antara mereka dan diucapkan segala kepujian itu terpulang kepada Tuhan semesta alam."(75)

* * * * * *